



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

Senate

PARLIMEN KELAPAN

Eighth Parliament

PENGGALPERTAMA

First Session

Jilid I Bil. 24 Hari Isnin 5hb Ogos, 1991

KANDUNGAN

MENGANGKAT SUMPAH:

Y.B. Tuan Haji Zainal bin Md. Derus (Ruangan 1)
Y.B. Puan Rosalind Yau Shuk Meng

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Mengalu—alukan Ahli-ahli Baru (Ruangan 1)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan 1)

USUL:

Rancangan Malaysia Keenam 1991-1995 (Ruangan 40)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Isnin, 5hb Ogos, 1991**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang****[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]****MENGANGKAT SUMPAAH**

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:

1. Tuan Haji Zainal bin Md. Derus
2. Puan Rosalind Yau Shuk Meng

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA**MENGALU-ALUKAN AHLI-AHLI BARU**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru mengangkat Sumpah sebentar tadi. Saya berharap semoga ahli-ahli yang baru dipilih, itu dapat memberikan sumbangan mereka yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya dan semoga mereka dapat berkhidmat dengan cemerlangnya.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**LALULINTAS DI BANDARAYA KUALA LUMPUR**

1. **Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth** minta Perdana Menteri menyatakan strategi baru Kerajaan untuk mengelakkan masalah trafik di Kota Kuala Lumpur ini yang semakin hari semakin teruk nampaknya. Kita ketahui bahawa masalah serius ini kalau tidak diatasi dengan seberapa segera akan mengganggu produktiviti negara dan selanjutnya mengakibatkan banyak perbelanjaan dari Kerajaan sehingga ekonomi negara terganggu.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha memperbaiki keadaan lalulintas di Bandaraya Kuala Lumpur, tindakan dan strategi yang akan diambil meliputi tiga aspek kerja, iaitu:

(1) **Pelaksanaan Projek Pembangunan Jalan Raya**

Di antara projek pembangunan jalan raya ini termasuklah pembaikan utama jalan raya untuk memudahkan pergerakan lalulintas di dalam Kuala Lumpur. Jalan-jalan raya yang telah dikenalpasti ialah:

Jalan Kepong;
Jalan Kuchai Lama;
Jalan Perkasa;
Jalan Puchong;
Jalan Segambut; dan
Jalan Damansara.

Di samping itu, Kerajaan bercadang untuk membina jalan raya baru. Di antara cadangan jalan raya baru yang telah dikenalpastikan ialah:

- (i) jalan "Eastern Route" dari Jalan Imbi ke Jalan Genting Kelang di sebelah timur Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur;
- (ii) Jalan Lingkaran Tengah II di sekeliling sempadan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur/Selangor; dan
- (iii) Jalan "Northern Route" dari Jalan Pahang ke Jalan Ulu Kelang yang akan melalui Taman Air Panas dan Taman Setiawangsa.

(2) **Projek-projek Pengangkutan Awam**

Pada masa ini Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sedang merancang untuk mewujudkan sistem pengangkutan awam yang moden dan berkesan bagi kegunaan orang ramai di Kuala Lumpur. Di antara sistem-sistem yang telah dicadangkan adalah seperti berikut:

- (a) Monorail - bagi permintaan perjalanan dalam pusat Bandaraya Kuala Lumpur.
- (b) LRT atau/ dan - bagi permintaan ulang-alik kerja Metrolink dalam Kuala Lumpur.
- (c) Railbus (KTM) - bagi permintaan ulang-alik kerja dari luar Kuala Lumpur.

(3) **Pengurusan Lalulintas**

Beberapa rancangan di bawah aspek kerja ini telah dibuat dan di antaranya adalah seperti berikut:

- (a) menaikkan taraf sistem kawalan lampu isyarat lalulintas berkomputer yang sedia ada ke sistem yang lebih berkesan;
- (b) melaksanakan Sistem Jalan Sehalu di kawasan yang perlu;
- (c) melaksanakan pembaikan jangka pendek kepada persimpangan-persimpangan jalan termasuk pemasangan lampu-lampu isyarat lalulintas jika diperlukan; dan
- (d) memperbaiki sistem rangkaian pejalan kaki yang meliputi siarkaki, "malls" dan jejantas.

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua saya ingin buat soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri di dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi masalah mengatasi lalulintas di Kuala Lumpur, saya rasa kalau cara itu belum boleh berkesan lagi. Jadi, saya ingin tahu bilakah Kerajaan mencadang supaya mengadakan zon terhad supaya dapat kita menghadkan lalulintas, cuma kita benarkan kereta-kereta yang berkenaan lalu di satu-satu kawasan sahaja.

Yang kedua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebut fasal monorail tetapi saya dengar monorail pun hendak dibatalkan. Apa sebab dan saya ingin tahu daripada Yang Berhormat?

Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan zon terhad atau area road pricing system, memanglah kita mempunyai kecenderungan ke arah itu dan sekarang ini Dewan Bandaraya telah diminta untuk mengkaji dengan lebih lanjut sama ada zon terhad atau area road pricing system ini perlu dibuat secara radikal dengan segera. Memang terdapat pada masa yang lepas Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mempunyai perancangan ke arah itu. Insya Allah, jika ia menjadi faktor yang boleh menyelesaikan masalah kesesakan lalulintas, tindakan segera akan kita ambil.

Berkaitan dengan monorail yang disebut oleh Yang Berhormat bahawa ada khabar projek monorail ini tidak akan diteruskan, sukaiah saya menyatakan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang juga Pengerusi Jawatankuasa Khas Pembangunan Kuala Lumpur telahpun memutuskan supaya cadangan monorail ini tidak perlu diteruskan.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya dua soalan tambahan-kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Yang pertama ialah oleh kerana Kuala Lumpur merupakan pusat laluan dan semua kenderaan dari timur barat, utara selatan, berapakah jumlah kenderaan yang berlegar di dalam Kuala Lumpur atau Wilayah Persekutuan dalam masa satu hari.

Yang kedua, bagaimana pula perkembangannya dengan LRT dan juga rail bus?

Dato' Drs Sulaimen bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, bagi jawapan yang kedua, sistem transit laju ringan (LRT) dan sistem rail bus ini, projek ini akan diteruskan oleh Kerajaan dan kerana kita yakin bahawa ia akan dapat menyelesaikan seperti yang saya sebut tadi iaitu permintaan ulangalik kerja yang boleh menyelesaikan masalah kesesakan lalulintas termasuklah rail bus ini akan dibuat dengan segera.

Jumlah keluar masuk pengangkutan di dalam Wilayah Persekutuan, yang menyebabkan kesesakan ini adalah sebanyak 1 juta satu hari semua jenis kenderaan..

Jen (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth: Tuan Yang di-Pertua, ekoran dari sahabat saya Senator yang bertanya tadi, adakah rancangan Kerajaan untuk menggunakan anggota-anggota Polis Hutan untuk menolong membaiki traffic problem, dengan izin, kerana apa juga program-program yang dirancangkan tadi memakan masa.

Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ditanya ada berkaitan dengan Kementerian Dalam Negeri, kita boleh timbangkan untuk membantu polis trafik yang ada sekarang.

KAD KREDIT - PENGGUNAAN

2. **Tuan David Yeoh Eng Hock** minta Menteri Kewangan menyatakan:
- (a) jumlah wang yang terlibat dalam penggunaan kad-kad kredit yang dikeluarkan oleh bank-bank komersial kepada rakyat Malaysia pada tahun 1990; dan
 - (b) jumlah hutang akibat dari penggunaan kad kredit dan peratusannya berbanding dengan jumlah wang hasil dari penggunaan kad tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, (a) pengumpulan maklumat mengenai penggunaan kad-kad kredit oleh Bank Negara Malaysia hanya dibuat mulai bulan Oktober 1990, iaitu setelah Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989 dikuatkuasakan pada 1 Oktober 1989. Di bawah Akta itu, institusi-institusi terjadual termasuk institusi yang menjalankan perniagaan tanda kredit dengan isin, credit token business, yang mana kad-kad kredit merupakan salah satu daripada jenis perniagaan itu dikehendaki berdaftar dengan Bank Negara Malaysia. Dengan demikian, Kementerian Kewangan tidak dapat memberikan maklumat-maklumat bagi keseluruhan tahun 1990 sebagaimana yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat.

Walau bagaimanapun, maklumat yang ada iaitu bagi tempoh bulan Oktober 1990 hingga Mac 1991, menunjukkan bahawa transaksi yang dibuat melalui kad-kad kredit adalah sebanyak \$1,241.1 juta. Ia melibatkan sejumlah 785,882 kad kredit dengan had kredit sebanyak \$3.2 ribu juta. Di samping itu, transaksi sebanyak \$443.2 juta lagi telah dibuat melalui kad-kad caj yang melibatkan sebanyak 190,020 kad. Maklumat untuk tempoh April sehingga Jun 1991 sedang diproses oleh pihak Bank Negara Malaysia.

(b) Setakat 31 Mac 1991 jumlah kredit yang belum berbayar oleh pemegang-pemegang kad kredit adalah sebanyak \$1,043.3 juta manakala jumlah yang belum berbayar oleh pemegang-pemegang kad caj adalah sebanyak \$123.7 juta. Jumlah yang belum berbayar itu adalah termasuk sebahagian besar transaksi yang dibuat sebelum bulan-Oktober 1990. Oleh itu buat masa ini adalah sukar untuk memberikan peratus yang belum berbayar berbanding dengan jumlah transaksi. Tambahan pula, pembayaran ke atas kredit adalah dibuat dari masa ke semasa oleh pemegang-pemegang kad yang menyebabkan jumlah kredit belum berbayar berubah dari masa ke semasa.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, soalan. tambahan. Adakah benar sindiket-sindiket menyediakan kenyataan cukai pendapatan yang palsu bagi pemohon-pemohon untuk kelulusan kad-kad kredit yang diluluskan oleh bank-bank? Jika benar, adakah pegawai-pegawai dari Jabatan Hasil Dalam Negeri terlibat dan apakah tindakan kawalan telahpun, diambil oleh Kementerian Kewangan?

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, adalah benar bahawa ada setengah pemohon yang ingin memohon kad kredit telah memalsukan borang-borang cukai pendapatan dan pada masa ini Jabatan Hasil Dalam Negeri sedang menyiasat kes ini dan tindakan belum diambil oleh kerana siasatan masih lagi berlaku.

HELIKOPTER NURI - JUALAN

3. Tuan Haji Ahmad bin Haji Abdullah minta Menteri Pertahanan menyatakan adakah Kementerian akan menjual semua Helikopter Nuri yang selalu jatuh dan diganti dengan helikopter yang lain.

Menteri Pertahanan [Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertahanan tiada rancangan untuk menjual helikopter-helikopter Nuri kerana pesawat

ini masih boleh digunakan lagi. Apa yang perlu dilakukan ialah penyenggaraan yang baik, sistematik dan berkesan serta peningkatandaya profesionalisma di kalangan juruterbang-juruterbang TUDM. Pihak TUDM telah diarah supaya memberi perhatian yang cukup serius di atas perkara ini untuk memulihkan keyakinan masyarakat terhadap pesawat Nuri. Mengikut analisa pihak yang pakar, pesawat-pesawat Nuri masih boleh digunakan sekurang-kurangnya untuk tempoh 10 tahun akan datang.

Puan Hajah Habidah binti binti Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan Yang Berhormat Menteri Pertahanan apakah keistimewaannya yang ada pada pesawat Nuri sehingga Kerajaan begitu sayang untuk menggantikan dengan jenis-jenis yang lain, sedangkan buktinya amat jelas di mana begitu ramai anggota tentera kita yang terkorban termasuklah pegawai-pegawai tingginya.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul- Razak: Tuan. Yang di-Pertua, tidak ada sebab mengapa kapalterbang pesawat Nuri hendak digantikan kerana dari segi teknikalnya kapalterbang ini masih boleh digunakan lagi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, daripada lapan kejadian kapalterbang ini terhempas, lima daripadanya adalah disebabkan oleh kesilapan pilot juruterbang dan tiga hanya sebab teknikal. Itu sejak 20 tahun yang lalu.

Tuan Azman. Atar bin Othman: Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat sedikit sahaja. Oleh kerana kita ini orang Islam percaya sangat kepada bomoh, jadi pernahkah Yang Berhormat sebagai Menteri Pertahanan semah kapal-kapalterbang ini, takut-takut manalah tahu ada suwehnya. [Ketawa]

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, kita orang Islam tidak patut percaya kepada bomoh. [Ketawa]

SEKOLAH MEMANDU - BILANGAN

4. Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh minta Menteri Pengangkutan menyatakan berapakah bilangan sekolah memandu di seluruh negara. Berapakah yang didaftarkan. Adakah sekolah-sekolah ini mengikut sukatan pelajaran yang disediakan oleh Kementerian.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, bilangan sekolah memandu yang terdapat di seluruh negara setakat ini adalah berjumlah 1,772. Sebahagian besar daripada jumlah ini iaitu 1,764 adalah merupakan sekolah memandu yang biasa, manakala 8 buah lagi adalah jenis Institut Memandu Moden yang serba lengkap dengan kemudahan-kemudahan seperti sirkit latihan, bilik kuliah dan pejabat, Di samping itu juga, sejumlah 218 daripada jumlah 1,722 sekolah memandu yang dinyatakan tadi adalah diluluskan untuk mengajar latihan teori Kurikulum Sekolah Memandu sama ada secara bergabung dengan sekolah-sekolah memandu yang lain atau secara persendirian. Semua sekolah memandu yang dinyatakan adalah yang dilulus dan diberi permit oleh Jawatankuasa Permit Sekolah Memandu dan dihadkan operasinya mengikut daerah yang dinyatakan dalam permit.

Mulai Ihb Februari, 1991, semua sekolah memandu disyaratkan untuk mengikuti sukatan pelajaran yang disediakan iaitu:-

- (i) mengajar teori pemanduan berhemat di bilik darjah.
- (ii) memberi latihan pratikal mengenai mendaki bukit, meletak kenderaan, pusingan tiga penjuru dan cara memandu di jalanraya.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah ada satu kursus ataupun latihan, khas kepada pengusaha-pengusaha sekolah memandu? Yang kedua adakah satu peraturan diberi kepada pengusaha-pengusaha sekolah memandu ini mengenakan bayaran kepada orang yang hendak, belajar memandu kerana terdapat perbezaan di antara satu sekolah memandu dengan yang lain. berbeza-beza bayarannya.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, memang sebelum kurikulum baru sekolah memandu dilaksanakan pada Ihb Februari, 1991, Kementerian telah selama dua tahun mengadakan kursus-kursus, pertamanya kepada pegawai-pegawai JPJ sendiri, kemudian kepada pengajar-pengajar atau instructors, dengan izin, di sekolah-sekolah memandu dan Jabatan Pengangkutan Jalan telah menyediakan buku teks, 'instructors' Manual, dengan izin.

Buku panduan yang mengandungi sebanyak 400 soalan dngan jawapannya sekali dalam empat bahasa, transparency, slide dan juga pita video semua sudah disediakan untuk keperluan-keperluan pengusaha-pengusaha dan pengajar-pengajar sekolah memandu. mengajarkan teori dan juga praktikal yang telah saya sebutkan tadi dalam jawapan.

Bayaran sebenarnya ditetapkan ada had maksimumnya. Apa-apa juga bayaran adakah dikenakan di bawah maksimum itu mengikut keadaan setempat. Mungkin agaknya calon pemandu ini duduknya jauh maka sekolah memandu terpaksa pergi mengambilnya 20 batu jauhnya dan tambangnya dimasukkan, itu mungkin menyebabkan berbeza.

Puan Hajah Habidah binti Jusoh @ Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan, apakah syarat-syarat bagi seseorang yang ingin memohon untuk mengadakan sekolah memandu dan dari segi nazirannya dan setakat mana kejayaan sekolah memandu yang telah ditubuhkan di seluruh negara sekarang ini?

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, syarat-syaratnya ialah seseorang yang hendak mewujudkan atau menubuhkan sekolah memandu itu sama ada dia sendiri mendapat permit untuk menubuhkan sekolah memandu dan kemudiannya mesti mempunyai permit untuk mengajar. Kalau dia tidak ada permit mengajar, dia tidak bolehlah menubuhkan sekolah memandu. Tetapi kalau dia ada pengajar-pengajar yang digajikannya, juga boleh.

Dari segi naziran, sebenarnya tidak ada kursus naziran, tetapi penguatkuasaan yang dijalankan, oleh JPJ sepanjang masa untuk menentukan bahawa segala syarat-syarat kriteria itu dipatuhi. Misalnya, setiap calon memandu mesti telah menghadiri sekurang-kurangnya 5 jam latihan teori di kelas-kelas yang telah saya sebutkan tadi yang diwujudkan sama ada oleh Institut Memandu Moden ataupun oleh sekolah-sekolah memandu itu sendiri dan kemudian telah menjalani dan lulus ujian Highway Code, dengan izin, dan kemudian juga lulus ujian. Dan semua ini sama ada kelulusan itu tinggi peratusnya atau rendah peratusnya menunjukkan bahawa pengajaran di sekolah-sekolah memandu itu sama ada tinggi mutunya ataupun tidak.

Puan Law Jack Yoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar ujian undang-undang lalulintas yang sekarang ini dicadangkan akan dijalankan di dalam bahasa Inggeris selain daripada menggunakan Bahasa Malaysia? Jika ada, apakah sebabnya? Dan adakah bahasa Cina dan bahasa Tamil dipertimbangkan untuk ujian undang-undang lalulintas?

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada apa-apa cadangan daripada Kementerian sendiri untuk menjalankan ujian undang-undang dalam bahasa Inggeria dan bahasa-bahasa lain selain daripada Bahasa Kebangsaan. Cuma kalau seseorang itu disahkan tidak boleh menulis, ia dibenarkan ujian lisan dalam Bahasa Malaysia.

DASAR PELABURAN

5. **Puan Hajjah Asmah binti Haji Ismail** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan dasar berhubung dengan pelaburan:

- (a) apakah dasar pelaburan kita tidak mengizinkan kita menentukan kepada pelabur-pelabur asing itu corak dan pembangunan yang logikal untuk Malaysia; dan
- (b) untuk mencapai tahap pekerja-pekerja yang berkualiti, kearah masyarakat kreatif kepada wawasan 2020, bagaimanakah sikap pihak pelabur-pelabur asing dapat memenuhi cita-cita ini dan bolehkah pelabur-pelabur ini menaikkan upah dan elaun pekerja-pekerja mereka.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Chua Jui Meng]: Tuan Yang di-Pertua, (a) dalam menggalakkan pelaburan sama ada dari sumber tempatan atau asing, matlamat-matlamat pembangunan negara telahpun diambil perhatian. Garispanduan-garispanduan yang disediakan seperti yang berkaitan ekuiti, gunatenaga, kandungan tempatan dan eksport telahpun mengambil kira objektif-objektif pembangunan negara. Arah pembangunan sektor perindustrian negara adalah ditentukan oleh Kerajaan dan bukan oleh pelabur-pelabur asing, dan pelabur-pelabur asing yang melaburkan di negara ini memahami dasar dan matlamat-matlamat pembangunan negara.

(b) Satu daripada aspek yang akan diberi penekanan dalam pembangunan sektor perindustrian dan ke arah pencapaian Wawasan 2020 adalah pembangunan sumber manusia khususnya bagi kepakaran-kepakaran yang diperlukan di sektor perindustrian. Di sini berbagai insentif telah dan akan disediakan seperti:-

Pemberian potongan dua kali bagi perbelanjaan atas latihan dalam bidang pengeluaran kawalan kualiti dan produktiviti.

- Penubuhan tabung pembangunan kemahiran iaitu satu skim bagi menggalakkan pihak swasta menyumbangkan kepada latihan pekerja.

Menggalakkan penubuhan institusi-institusi latihan secara usahasama di antara pihak swasta dan Kerajaan-kerajaan Negeri seperti Pusat Pembangunan Kemahiran, Pulau Pinang supaya latihan yang berorientasi industri dapat diadakan.

Aspek ini akan diumumkan dalam promosi-promosi penggalakan pelaburan di luar dan dalam negeri. Soal upah dan elaun pekerja adalah ditentukan oleh permintaan dan penawaran pasaran dan produktiviti pekerja sendiri.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Adakah Kementerian mencadangkan untuk menubuhkan Pusat Latihan Kemahiran selain daripada di Pulau Pinang, di negeri-negeri lain untuk mengatsi kekurangan tenaga pekerja yang mahir?

Tuan Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, kita ada satu pertubuhan yang bernama National Productivity Centre yang menjalankan banyak latihan dan kalau Yang Berhormat gemar mengenai program-program yang dijalankan, saya boleh hantar kepada Yang Berhormat.

ORANG ASLI - HAK TANAH BERMILIK

6. Tuan Itam Wali bin Nawan minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan adakah Orang Asli (Individu dan Kumpulan) mempunyai hak yang sama dipertimbangkan tanah bermilik/tanah bergeran.

Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]: Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan ini ialah, ya, Orang Asli mempunyai hak yang sama dipertimbangkan tanah bermilik. Adalah menjadi dasar Kerajaan supaya Orang Asli individu tampil ke hadapan untuk memohon tanah secara bermilik dan tidak secara rizab. Dengan pemilikan tanah secara , bermilik, pemilik berkenaan akan mendapat hak yang sama di bawah undang-undang tanah dan juga boleh mendapat bantuan pembangunan untuk tujuan tertentu di bawah RISDA, FELCRA dan lain-lain kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan bagi memajukan sektor pertanian dan pekebun-pekebun kecil.

Tuan Itam Wali bin Nawan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam keadaan ini ingin saya tahu daripada Yang Berhrmat, kawasan-kawasan. Orang Asli yang telah diberi status gazette bolehkah dipindahkan status itu kepada bermilik title?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini boleh diurus dengan Kerajaan-kerajaan Negeri.

LESEN KENDERAAN PERDAGANGAN

7. Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:-

- (a) berapa lamakah permohonan sesuatu lesen permit 'A' dapat diluluskan; dan
- (b) adakah Kementerian sedar ramai pengusaha khususnya bumiputera menghadapi masalah kerana lambatnya permohonan permit (lesen pengangkutan) diluluskan.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam [Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat, Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan sentiasa mencuba sedaya upaya memproses permohonan lesen kenderaan perdagangan secepat yang mungkin. Walau bagaimanapun, memandangkan jumlah permohonan yang diterima adalah banyak maka proses kelulusan lesen akan mengambil masa. Misalnya pada tahun 1990 sahaja, jumlah permohonan yang perlu diproses ialah 57,305.
- (b) Kementerian sememangnya sedar masalah yang dihadapi oleh pemohon-pemohon dan berusaha untuk mempercepatkan lagi pemerosesan permohonan lesen. Antara langkah yang boleh membantu mempercepatkan pemerosesan lesen ialah dengan membuka pejabat-

pejabat wilayah. Pejabat Wilayah Timur yang terletak di Kuala Terengganu telah dibuka pada 1 Julai 1991. Pejabat Wilayah Utara yang akan ditempatkan di Sungai Petani, Kedah, akan dibuka pada 1 Oktober 1991, manakala pejabat Wilayah Selatan yang akan ditempatkan di Muar, Johor akan dibuka pada Januari, 1992. Dengan pembukaan pejabat-pejabat wilayah ini adalah diharapkan proses permohonan lesen dapat dipertingkatkan lagi.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan lesen permit ini, apakah benar rumours mengatakan bahawa permit-permit kenderaan ini sudah dibekukan, sama ada teksi, lori, limousine dan juga lain-lain jenis kenderaan termasuklah bas persiaran dan bas ekspres?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, tidak benar.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Awam. Adakah Kementerian Perusahaan Awam sedar bahawa kerana perkembangan sektor perindustrian, sektor pembuatan dan pihak-pihak kilang telah menghadapi satu masalah kekurangan kenderaan untuk mengangkut barang-barang keluaran, untuk eksport?. Adakah Kementerian Perusahaan Awam bercadang untuk mengatasi masalah ini dengan membenarkan pihak kilang-kilang memohon lesen permit untuk kenderaan sendiri untuk mengangkut barang-barang mereka?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, pada dasarnya permohonan untuk mendapatkan lesen-lesen termasuk lesen-lesen untuk memberi perkhidmatan pengangkutan barangan-barangan, adalah diproseskan melalui sistem mendapatkan maklum balas mengikut jawatankuasa yang diwujudkan di peringkat negeri-negeri bagi mengelakkan permohonan-permohonan yang boleh bertindih. Ertinya, walaupun keperluan di peringkat setempat mengenai industri-industri yang sedang berkembang, sedang berlaku dan maklumat-maklumat ini perlu disahihkan, tetapi pihak LPKP sudah pun mewujudkan dan mengactivatekan Jawatankuasa Penasihat Pengangkutan Negeri yang dianggotai oleh Pegawai-pegawai Daerah di peringkat-peringkat daerah dan setempat, juga Pegawai-pegawai JPJ, Pegawai-pegawai UPEN dan sebagainya bagi memberi maklumat berkala kepada pihak LPKP untuk membolehkan pegawai-pegawai yang menilai permohonan-permohonan pemohon lesen-lesen yang berkenaan dalam kategori-kategori lesen bagi membolehkan keputusan yang sewajarnya dibuat untuk mengelakkan keterlaluan banyak lesen-lesen yang dikeluarkan, yang akan menjejaskan perkhidmatan pengangkutan kenderaan dan ini adalah sistem yang digunakan.

Puan Hajah Habidah binti Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Awam. Adakah Kerajaan sedar, ramai yang mempunyai permit yang telah diluluskan tetapi tidak mempunyai kenderaan, hanya memberi sewa kepada orang lain perमितnya itu sedangkan orang yang mempunyai kenderaan begitu susah untuk mendapat permit. Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan berhubung dengan perkara ini?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini adalah satu perkara yang perlu disampaikan maklumatnya kepada pihak Kementerian. Pada asasnya ialah bagi mereka atau kumpulan yang mendapat permit itu mestilah tidak boleh diswapajakkan. Walau pun demikian, yang boleh dan berhak menguatkuasakan pelanggaran syarat ini adalah pihak JPJ, jadi LPKP sentiasa berusaha sama dan bekerjasama dengan pihak JPJ. Namun demikian kalau Yang Berhormat mendapat maklumat yang jelas dan terbukti, sila sampaikan untuk membolehkan tindakan diambil oleh pihak Kementerian.

PAKAR PERUBATAN - PERANCANGAN

8. Tuan K. Munisamy minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar kebanyakan pakar-pakar dan kemudahan perubatan adalah ditempatkan di Kotaraya Kuala Lumpur dan kes-kes neurologi dan kardiologi dari negeri-negeri lain harus dirujuk ke Hospital Besar Kuala Lumpur. Bandar-bandar besar yang lain seperti Ipoh dan Johor Bahru juga tidak mempunyai kemudahan tersebut di atas. Adakah pihak Kementerian Kesihatan mempunyai cadangan untuk 'decentralize' perkhidmatan ini memandangkan kes-kes ini makin bertambah di negeri-negeri lain.

Timbalan. Menteri Kesihatan [Tuan Mohamed Farid bin Ariffin]:

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian memang ada perancangan untuk memperluaskan perkhidmatan kepakaran khusus seperti neurologi, neurosurgery, kardiologi, nephrologi dan sebagainya ke negeri-negeri

lain. Pelaksanaan program ini akan dijalankan secara berperingkat-peringkat. Sehingga kini Hospital Besar Pulau Pinang mempunyai kepakaran khusus dalam bidang neurologi dan nephrologi manakala Hospital Besar Sultanah Aminah Johor Bahru dalam bidang neurologi, nephrologi dan neurosurgeri. Hospital Besar Kuala Terengganu pula mempunyai perkhidmatan kepakaran kardiologi.

Pada tahun 1992, perkhidmatan kepakaran urologi akan diperkembangkan ke Hospital Besar Pulau Pinang dan di masa hadapan bidang-bidang kepakaran khusus akan diperluaskan ke hospital-hospital besar yang lain.

PENYELUDUPAN DADAH KE PERJARA

9. Tuan Mohamad Wajdi bin Dato' Haji Ishak minta Menteri Dalam Negeri menyatakan mengapa dan kenapa penyeludupan dadah ke penjara masih berterusan dilakukann. Sebut jumlah kes dan penglibatan orang awam dan kakitangan penjara yang terlibat dalam tempoh satu tahun yang lalu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, penyeludupan dadah ke penjara disebabkan terdapat segelintir Pegawai-pegawai Penjara yang bersubahat dan tidak bertanggungjawab dan tidak mengambil kira kesan buruk di atas perbuatan mereka itu. Keadaan ini menjadi bertambah buruk dengan sikap negatif saudara-mara banduan yang melawat di mana mereka cuba menyeludup dadah semua perjumpaan.

Pada tahun lalu terdapat lima kes yang melibatkan orang awam dan 13 kes yang melibatkan Pegawai Penjara.

Tuan Ho Cheng Wang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah pangkat pegawai atau apakah pangkat kakitangan yang terlibat dalam kes dadah di Penjara kita dan apakah tindakan telah diambil untuk mengatasi masalah ini? Jikalau tidak boleh diatasi, apakah langkah-langkah diambil untuk mengurangkan masalah seperti ini?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, untuk 13 kes yang melibatkan kakitangan Penjara, 12 daripada 13 itu adalah pangkat Warden iaitu pangkat rendah dan seorang Sarjan. Untuk langkah-langkah yang seterusnya Jabatan Penjara telah pun mengambil untuk memastikan kejadian ini tidak dapat merebak atau pun dapat dikurangkan. Beberapa langkah yang dapat saya sebutkan di sini ialah:-

- (i) dengan menubuhkan Unit-unit Perancang dan Operasi Anti Dadah dan Unit Keselamatan Penjara untuk di dalam Penjara;
- ii) meningkatkan pemeriksaan rapi terhadap pelawat, kakitangan, banduan setiap masa;

- (iii) meningkatkan pemeriksaan rapi terhadap barang-barang yang dibawa masuk ke penjara.
- (iv) tambahan kakitangan untuk mengawal perjumpaan banduan dan juga sering memperingatkan pegawai-pegawai Penjara tentang betapa serius akibatnya jika ditangkap terbabit dengan pengedaran dadah, misalnya hukuman mati mandatori itu sentiasa diingatkan kepada mereka dan juga pihak Penjara sentiasa mendapatkan kerjasama yang rapat dengan pihak Polis. Sebenarnya sejumlah 13 orang yang ditangkap itu adalah atas usaha Penjara sendiri untuk memberikan maklumat kepada pihak Polis supaya mereka itu dikesan dan ditangkap. Jadi dengan langkah-langkah itu, pihak Penjara telah dapat mengesan iaitu kes-kes penyeludupan yang dilakukan oleh kakitangan itu jelas telah dapat dikurangkan.

PERASAAN MALAS - KAJIAN

10. **Tuan Dahalan bin Haji Embun** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah perasaan 'malas' itu penyakit yang boleh diubati; apakah ini hanya sikap dan mengapakah pihak Kerajaan tidak membuat kajian terhadap fenomena manusia ini, iaitu sama ada ianya berpunca dari psychological (mental) atau dari fizikal.

Timbalan Menteri Kesihatan [Tuan Mohamed Farid bin Ariffin]:

Tuan Yang di-Pertua, soalan ini pelik sedikit. Malas adalah satu sikap yang ditunjukkan oleh seseorang individu. Adalah sukar untuk mengubah sikap ini kecuali individu itu sendiri mahukan perubahan itu. Walau bagaimanapun, ia boleh dibantu dalam usahanya dengan diberi nasihat, motivasi dan kaunseling,

Malas adalah berlainan daripada lethargy, dengan izin, iaitu perasaan tidak bertenaga atau keletihan yang mungkin disalahanggap sebagai malas oleh orang lain. Lethargy ini boleh disebabkan oleh penyakit fizikal ataupun penyakit psikiatrik yang dialami oleh seseorang individu. Perasaan ini boleh dihilangkan ataupun berkurangan apabila individu itu diberi rawatan yang sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin akhir-akhir ini kita telah mendengar lagi satu penyakit yang baru yang dinamakan chronic fatigue syndrom (CFS) yang boleh dibezakan dengan kemalasan ataupun malas. Ini adalah satu sindrom yang terdiri daripada kombinasi gejala serta tanda-tanda seperti berikut:-

- (1) dengan izin, lethargy, tiredness, lack of motivation, lack of interest dan seterusnya inability to work. Walau bagaimanapun, simptom ini jika dialami oleh seseorang pesakit adalah tidak sebegitu teruk sehingga pesakit boleh dikatakan mengidapi penyakit, dengan izin, depressive disorder yang ada kaitan dengan psikiatrik. Sindrom ini

- boleh disebabkan oleh keadaan-keadaan seperti berikut:-
chronic physical illness (penyakit fizikal yang berlarutan);
- post-virul intection (selepas infeksi virus);
- sub-clinical infection (infeksi virus yang tidak ketara);
dan
chronic stress forced state tekanan mental yang berlarutan).

PEMBALAKAN HARAM - LANGKAH MENGATASI

11. **Tuan Ng Peng Hay** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan bagaimana mengurangkan aktiviti-aktiviti pembalakan haram di negara kita:

- (a) adakah Kementerian Perusahaan Utama akan menghadkan eksport kayu balak dari negara kita; dan
- (b) bagaimana Kementerian menggalakkan pembangunan industri berasas kayu di Malaysia.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Langkah-langkah untuk mengurangkan dan mengatasi aktiviti pembalakan haram telah dihuraikan di Dewan yang mulia ini semasa menjawab pertanyaan Yang Berhormat Tuan Haji Abd. Rashid bin Ismail pada 30hb Julai, 1991. Namun demikian, Tuan Yang di-Pertua, seperti yang Ahli Yang Berhormat maklum, eksport kayu

balak telahpun diharamkan dari Semenanjung Malaysia semenjak tahun 1985 lagi. Pada masa ini Sabah dan Sarawak masih mengeksport kayu balak. Walau bagaimanapun, kedua-dua negeri ini bercadang untuk beransur-ansur mengurangkan jumlah eksport kayu balak di masa akan datang. Ini adalah untuk memastikan supaya pembangunan di negeri tersebut tidak terjejas di samping memberi masa kepada kedua-dua negeri tersebut untuk membangunkan industri "berasaskan' kayu-kayan dan supaya mereka memandangkan industri berkenaan masih belum mencapai tahap sebagaimana yang telah didapati di Semenanjung.

- (b) Dalam usaha menggalakkan pembangunan industri berasaskan kayu di Malaysia, berbagai-bagai langkah telahpun diambil oleh Kerajaan. Antara lain termasuk:-
- (1) pengharaman eksport balak di Semenanjung semenjak 1985 dan langkah-langkah untuk mengurangkan eksport kayu secara beransur-ansur dari Sabah dan Sarawak;
 - (2) mengenakan levi kepada 21 jenis kayu gergaji dan vinyl serta sekatan kuota ke atas eksport kayu getah gergaji;
 - (3) menganjurkan latihan, kursus, seminar, bengkel dan sebagainya untuk meningkatkan lagi kecekapan perusahaan kayu-kayan;
 - (4) mempertingkatkan usaha sokongan dan penyelidikan, dengan izin, R&D bagi membantu pengusaha tempatan

menghasilkan produk-produk kayu yang memenuhi kehendak pasaran tempatan dan antarabangsa;

- (5) menganjurkan misi teknikal dan penggalakan kayu di pasaran-pasaran luar negara;
- (6) menubuhkan perkampungan-perkampungan perabot bagi membantu, membangun pengusa-pengusaha perabot kecil untuk memperkembangkan perusahaan mereka.

Tuan Yang di-Petua, di samping langkah-langkah di atas, Kerajaan juga telah menyediakan berbagai-bagai inisiatif untuk menarik dan menggalakan pelaburan dalam industri berasaskan kayu-kayan khususnya perusahaan perabot di negara ini.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan perkembangan sektor industri berasaskan kayu-kayan telah meningkat dan baru-baru ini ada di setengah-setengah negeri di Malaysia Barat telah menghadapi kekurangan bekalan bahan kayu kepada industri pembuatan kayu-kayan dan harga jualan yang makin meningkat, apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian Perusahaan Utama untuk mengatasi toasalah ini.

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya tegaskan sebentar tadi bahawa sehingga ini kekurangan kayu di Malaysia tidak begitu berada ditahap yang membimbangkan. Namun demikian, Kementerian sedang berusaha untuk melipatgandakan penanaman kayu untuk jangka sederhana seperti kayu getah untuk mengimbangi kekurangan-kekurangan yang diperlukan bagi permintaan dalam negeri.

KEBOCORAN AIP PAIP - KERUGIAN KERAJAAN

12. **Tun Abdul Rashid bin Ismail** minta Menteri Kerja Raya menyatakan apakah pihak Kementerian ada mengambil langkah-langkah tertentu bagi mengatasi masalah kerugian yang dihadapi oleh Jabatan Air seluruh negara berikutan kerana penggunaan meter air lama dan kebocoran paip.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Tuan Kerk Choo Ting]: Tuan Yang di-Pertua, untuk mengatasi masalah kerugian daripada kebocoran paip dan penggunaan meter air lama, Kerajaan Pusat telahpun merancang melaksanakan beberapa program seperti berikut dalam Rancangan Malaysia Keenam untuk membantu Kerajaan Negeri:-

- (1) membaikpulih sistem ratikulasi yang wujud.
- (2) membaikpulih loji-loji rawatan air.
- (3) pengesanan dan pengawalan kebocoran.
- (4) penukaran meter-meter air,

Sebenarnya langkah-langkah seperti membaikpulih sistem agihan dan penukaran meter—meter air memang dijalankan sepanjang masa oleh negeri masing-masing. Oleh kerana peruntukan untuk kerja-kerja penyelenggaraan seperti ini di semua negeri amatlah terhad, maka penyelenggaraan ini tidak ke tahap yang diingini.

Dalam Rancangan Malaysia Yang Keenam, Kerajaan Pusat akan memberi bantuan kewangan kepada semua negeri untuk melaksanakan program-program tersebut.

PELANCONG - LANGKAH-LANGKAH GALAKAN

13. **Tuan Chong Chi Siong** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan:-

- (a) bilahgan pelancong yang masuk ke Malaysia sejak Tahun Melawat Malaysia; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk menarik lebih ramai pelancong ke Malaysia selepas Tahun Melawat Malaysia,

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato'

Abdul Raman bin Suliman]: Tuan Yang di-Pertua,

- a) Seramai 10.12 juta pelancong telah mengunjungi Malaysia sejak Tahun Melawat Malaysia dan sehingga 30hb Jun, 1991 Malaysia telah mencatatkan seramai 7.42 juta pelancong pada tahun 1990 dan seramai 2.70 juta pelancong pada tempoh Januari-Jun, 1991.
- (b) Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan akan meneruskan program-program penggalakan dan promosi di dalam dan di luar negeri supaya bilangan kedatangan pelancong ke negara ini dapat dipertahankan seperti yang telah didapati pada Tahun Melawat Malaysia 1990. Tema yang dipilih pada tahun 1991 adalah "Alam Semula Jadi". Acara dan program-program pelancongan yang terlibat pada tahun ini kebanyakannya berasaskan kepada tema ini. Sebagaimana, Yang Berhormat sedia maklum, tahun 1992 adalah Tahun Melawat ASEAN dan Malaysia akan mengambil bahagian secara aktif dalam kempen itu.

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi tahun-tahun yang akan datang, Kementerian bercadang untuk memberi tema-tema yang sesuai supaya dapat menarik minat pelancong datang ke negara kita.

Tuan Haji Ahmad bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu adakah pelancong-pelancong yang datang itu yang membawa penyakit AIDS? Yang kedua, kalau ada berapakah bilangannya dan kalau memang ada, adakah rancangan Kerajaan untuk meminta sijil daripada pelancong itu selepas dia daripada penyakit AIDS, ertinya dia jauh daripada penyakit AIDS?

Dato' Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya, masalah sama ada pelancong-pelancong itu terdiri daripada mereka yang berpenyakit AIDS ataupun tidak, bukanlah di bawah tanggungjawab Kementerian ini. Walau bagaimanapun, dalam kempen-kempen kita di luar negeri untuk menarik pelancong-pelancong dan matlamat pelancong-pelancong yang kita arahkan ialah pelancong-pelancong yang baik, yang kita kata mempunyai wibawa. Sebab itu dalam program-program kita, kita mengaturkan secara yang boleh memberi tarikan kepada pelancong-pelancong, bukan sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi.

PESAKIT KANSER YANG DIRAWAT

14. **Puan Law Jack Yoon** minta Menteri Kesihatan menyatakan berhubung dengan Rawatan di Institute Radiotherapy Oncology dan Nuclear Medicine, Hospital Besar, Kuala Lumpur,

- (a) jumlah pesakit-pesakit kanser yang menerima rawatan pada tahun-tahun 1988, 1989 dan 1990;
- (b) dari negeri-negeri manakah pesakit-pesakit itu datang;
- (c) jenis penyakit, kanser yang paling biasa dihadapi oleh pesakit kanser sama ada lelaki dan perempuan yang dirawat di Unit itu;
- (d) adakah jumlah peralatan dan kakitangan di Unit itu mencukupi; dan
- (e) sebab-sebab tidak mengadakan rawatan radiotherapy untuk pesakit-pesakit kanser di negeri-negeri yang lain seperti di Johor dan Pulau Pinang.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, untuk soalan:

- (a) Jumlah pesakit yang dirawat di Institut Radiotherapy, Oncology dan Perubatan Nuclear, Hospital Besar Kuala Lumpur adalah 27,741 orang pada tahun 1988, 25,501 orang pada tahun 1989 dan 24,357 orang pada tahun 1990.
- (b) Pesakit-pesakit yang dirawat di institut ini adalah dari semua negeri. Walau bagaimanapun, kebanyakan pesakit dari negeri Sabah dan Sarawak, dirujuk ke Hospital Besar Kuching, Sarawak, di mana terdapat juga kemudahan untuk merawat pesakit-pesakit kanser.

Sebahagian daripada pesakit-pesakit kanser, terutamanya daripada utara Semenanjung Malaysia - Perlis, Kedah dan Pulau Pinang, dirujuk ke hospital swasta iaitu di Mount Miriam di Pulau Pinang, untuk mendapat rawatan radioterapi.

- (c) Jenis penyakit kanser yang paling banyak dihadapi oleh pesakit-pesakit yang dirujuk ialah:-
- (i) Kanser paru-paru ada kaitannya dengan tabii merokok;
 - (ii) Kanser pangkal rahim (cancer of servix);
 - (iii) Kanser buah dada (breast cancer);
 - (iv) Kanser nasofarinks;
 - (v) Kanser mulut.
- (d) Di bawah Fasa 11 Rancangan Radioterapi untuk Instituti ini, yang akan siap dalam tahun 1994, sebanyak 189 katil lagi akan disediakan bersama-sama dengan ruang lantai tambahan untuk jabatan pesakit luar dan klinik pakar. Dalam rancangan jangka masa panjang, perkhidmatan radioterapi dan rawatan kanser, akan diperluaskan kepada beberapa hospital tertentu.
- (e) Rawatan radioterapi berkehendakkan alatan-alatan yang canggih dan kakitangan yang terdiri dari doktor pakar, ahli fizik dan juga paramedik yang dilatih khas. Setakat ini Kementerian Kesihatan belum ada rancangan di bawah Rancangan Malaysia Keenam untuk menyediakan perkhidmatan radioterapi di kawasan Johor Bahru memandangkan pesakit-pesakit di sana boleh menerima rawatan di Hospital

Besar Kuala Lumpur. Sejajar dengan dasar Persyarikat Malaysia, Kementerian Kesihatan menggunakan kemudahan-kemudahan yang ada di Hospital Mount Miriam Pulau Pinang secara kontrak bagi kawasan utara.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr. Nordin bin Selat.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No.15.

KEMAJUAN YANG DICAPAI OLEH PETANI

15. **Tuan C. Krishnan [di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Pertanian menyatakan kemajuan yang telah dicapai oleh petani-petani kita. Berapakah pendapatan purata mereka setahun.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, sejak negara mencapai kemerdekaan berbagai-bagai projek pertanian telah dilaksanakan oleh Kerajaan yang bertujuan untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi petani-petani. Salah sebuah projek yang dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian untuk memajukan petani-petani ialah projek pembangunan pertanian bersepadu. Sebanyak 15 kawasan IADP telah dilaksanakan semenjak tahun 1965 dengan bilangan keluarga tani yang dijangka mendapat faedah seramai 405,800 keluarga.

Antara kemajuan yang dicapai ialah dari segi kekerapan tanaman padi. Sebanyak tujuh daripada lapan buah kawasan jelapang padi di negara ini adalah di dalam kawasan IADP. Pembangunan infrastruktur di kawasan-kawasan itu telah membawa kepada bertambahnya kekerapan tanaman padi oleh kerana bekalan air yang mencukupi. Pertambahan yang amat ketara adalah di kawasan MADA dan Besut di mana kekerapan tanaman telah bertambah dari tanaman semusim sebelum pelaksanaan projek kepada kekerapan tanaman kira-kira 190% selepas projek. Pertambahan juga berlaku di kawasan KADA dan Barat Laut Selangor sungguhpun pertambahannya hanya sedikit.

Selain daripada itu terdapat juga pertambahan dalam pengeluaran purata padi hasil dari tanaman dua musim setahun dan penekanan yang diberi kepada perladangan secara kelompok dan mini-estet. Umpamanya, pada tahun 1990 kawasan-kawasan MADA, KADA, Besut dan Barat Laut Selangor telah menghasilkan pengeluaran purata padi melebihi 4 tan metrik sehektar semusim sedangkan pengeluaran purata sebelum perlaksanaan projek adalah di antara 1.46 tan metrik sehingga 2.4 tan metrik sehektar semusim.

Di kawasan-kawasan bukan padi pula, pembangunan infrastruktur telah memberi kemudahan untuk petani-petani menanam koko, kelapa, pokok buah-buahan seperti durian, rambutan, mangga, pisang dan sayur-sayuran.

Petani-petani juga kini telah menerima penggunaan teknologi baru dalam pertanian. Ini termasuklah amalan pertanian seperti pengurusan air, pengawalan penyakit, penggunaan baja secara betul, penggunaan benih hasil tinggi, penggunaan jentera dan penglibatan dalam sistem perladangan yang lebih tersusun, termasuk perladangan secara kelompok dan mini-estet.

Berhubung dengan pendapatan purata petani-petani, termasuk dalam dan luar projek IADP, ianya juga menampakkan pertambahan berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya. Mengikut penyiasatan pendapatan isirumah tahun 1989, pendapatan purata penanaman padi ialah sebanyak \$525 sebulan berbanding dengan \$406 sebulan pada tahun 1984.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tanaman utama ialah padi dan selain pendapatan daripada padi, petani juga mendapat pendapatan daripada tanaman-tanaman seperti buah-buahan dan ternakan termasuk ternakan air.

PENYEWA PERNIAGAAN KECIL DI BANGUNAN MARA

16. **Tuan Azman Attar bin Ottman minta** Menteri Perusahaan Awam menyatakan apakah sebab-sebab MARA memberi notis kepada penyewa-penyewa dari perniagaan-perniagaan kecil yang mempunyai gerai di tingkat satu bangunan MARA supaya berpindah ke tempat lain, kalau ya, adakah MARA akan menggantikan di satu tempat lain yang mencerminkan suatu pusat peniaga-peniaga kecil untuk mencari rezeki dan ianya akan memberikan satu daya penarikah kepada pelancong-pelancong untuk membeli-belah.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, tindakan MARA memberi notis kepada penyewa-penyewa yang terdiri dari peniaga kecil di Tingkat Satu, Bangunan MARA supaya berpindah ke tempat lain adalah untuk membolehkan MARA menjalankan kerja-kerja pengubahsuaian di Tingkat Satu, Bangunan MARA supaya menjadi lebih sempurna dan menarik dan memenuhi keperluan program dan rancangan memusatkan serta mengendalikan khidmat maklumat berkala usahawan yang lebih lengkap dan profesionalisma selaras dengan konsep dataran usahawan yang sedang dalam proses pelaksanaan. oleh Kementerian Perusahaan Awam.

Pengubahsuaian ini akan memberikan imej yang lebih baik di samping menyediakan pelbagai kemudahan dan khidmat kepada pengunjung. Mengenai penempatan semula peniaga-peniaga di tempat lain, pihak MARA sedang berusaha untuk memohon kerjasama beberapa agensi Kerajaan yang lain yang juga bertanggungjawab menyediakan ruang-ruang perniagaan untuk membolehkan pengusaha-pengusaha yang berdayamaju di tempatkan.

Tuan Azman Atar bin Othman: Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, selain daripada hendak menjaga imej Pejabat MARA, tidakkah Yang Berhormat terfikir bahawa ini akan mengorbankan nasib peniaga-peniaga kecil yang berniaga di situ. Saya ingin tahu sama ada Yang Berhormat di samping berusaha untuk memindahkan, sudahkah Yang Berhormat mendapatkan tapak tanah ataupun tempat untuk menggantikan mereka ini supaya mereka boleh meneruskan perniagaan.

Kedua, sudahkan pihak MARA memberikan penjelasan yang jelas kepada mereka ini, mengapa mereka mesti berpindah, oleh kerana mereka ini semuanya orang Wilayah. Oleh kerana saya ini mewakili Wilayah, saya ingin tahu dengan lebih jelas daripada Yang Berhormat.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, bukanlah tujuan pihak Kementerian untuk menjejaskan nasib peniaga-peniaga kecil ini, tetapi seperti Yang Berhormat sedia maklum, bagi menghadapi dekad 90an, menyampaikan kepada tahun Wawasan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada tahun 2020, perubahan dunia perniagaan akan lebih pesat dan keperluan perkhidmatan oleh pelanggan dan pengunjung akan lebih mendesak. Jadi, pihak pengurusan memikirkan eloklah ruang di bahagian bawah bangunan MARA yang menjadi lambang pembangunan usahawan bumiputera di baik-pulih dengan sebaik-baiknya untuk memenuhi matlamat yang lebih dinamik.

Tidak ada tempat yang lebih strategik dan dalam pemikiran pengurusan MARA dan juga pengurusan Kementerian, peniaga-peniaga kecil, banyak lagi tempat-tempat lain yang boleh diusahakan untuk didapatkan bagi menempatkan mereka. Malahan, rundingan yang dijalankan oleh pihak pengurusan MARA memohon kerjasama daripada agensi-agensi Kerajaan yang lain termasuklah daripada Dewan Bandaraya. Jadi, kita tunggulah hasilnya dan usaha ini tidak menolak kemungkinan mendapatkan pertimbangan diberi tanah yang sesuai jika ada kepada pihak yang mampu memajukannya.

Setakat **ini**, pihak pengurusan MARA sudah memberi penerangan yang jelas kepada mereka yang terlibat.

SEMPADAN BAHAGIAN PILIHANRAYA PARLIMEN

17. **Tuan V.K. Sellapan** minta Perdana Menteri "menyatakan kajian semula menambahkan sempadan kawasan Pilihanraya Parlimen dan negeri akan buat dalam tempoh masa 1992-1994. Jika terdapat terlalu banyak pengundi-pengundi dalam sesuatu kawasan, Ahli-ahli Parlimen dan negeri kawasan itu tidak dapat memberi perkhidmatan dengan cukup sempurna untuk mengatasi masalah ini. Bolehkah Suruhanjaya Pilihanraya mengutamakan bilangan pengundi dalam memecahkan sempadan. Jika tidak, mengapa.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, dalam menjalankan urusan persempadanan semula bahagian-bahagian pilihanraya, Suruhanjaya Pilihanraya perlu berpandukan kepada prinsip-prinsip yang telah ditetapkan mengikut Seksyen 2, Bahagian I, Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan. Faktor jumlah pemilih adalah merupakan salah satu daripada prinsip-prinsip yang akan diambilkira oleh Suruhanjaya Pilihanraya dalam menjalankan urusan tersebut.

PENDATANG ASING - STATUS

18. **Tuan Shuib bin Endut** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan tentang status pendatang-pendatang daripada negara asing yang datang ke negara ini sebagai pekerja binaan, ladang dan lain-lain. Apakah Kementerian Dalam Negeri memastikan bahawa mereka meninggalkan negara ini apabila tempoh kemasukan mereka tamat. Sejauhmanakah keberkesanan pengawalan terhadap keluar masuk mereka.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, pendatang asing yang bekerja di sektor pembinaan, perladangan dan lain-lain sektor pada masa ini adalah berstatus orang asing yang masuk bagi tujuan bekerja mengikut dasar masakini.

Kementerian Dalam Negeri sememangnya sentiasa memastikan pekerja asing, iaitu pekerja sah meninggalkan negara ini apabila tempoh kerja mereka tamat. Ini dilakukan melalui beberapa langkah seperti berikut:-

- (i) pertama, mengenakan wang cagaran kepada majikan yang mana wang itu hanya dikembalikan selepas Jabatan Imigresen Malaysia menerima bukti yang pekerja terlibat telah dihantar keluar;
- (ii) mengenakan syarat jaminan bank kepada agensi membawa masuk pekerja yang mana Jabatan Imigresen Malaysia akan menggunakannya atau merampasnya jika pihak agensi gagal menghantar keluar pekerjanya; dan
- (iii) tindakan penguatkuasaan yang berterusan oleh Jabatan Imigresen Malaysia, melalui serbuan dan intipan, yang mana majikan atau pekerja yang melanggar peraturan akan ditangkap dan diambil tindakan undang-undang.

KEMALANGAN JALAN RAYA - FAKTA

19. **Puan Law Jack Yoon** minta Menteri Pengangkutan menyatakan berhubung dengan 75,000 kemalangan jalan raya yang telah dilaporkan di Malaysia pada 1989, 4,755 daripada jumlah itu disebabkan oleh fakta-fakta selain daripada fakta pemandu kenderaan:-

- (a) punca-punca utama yang disenaraikan ialah:-
 - (i) cuaca buruk,
 - (ii) haiwan peliharaan yang berada di jalan raya,
 - (iii) keadaan jalan raya yang buruk,
 - (iv) kerosakan jentera,
 - (v) kesalahan orang yang berjalan kaki;
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan kemalangan jalan raya yang disebabkan oleh:-
 - (i) haiwan peliharaan yang merayau di jalan raya,
 - (ii) kerosakan jentera,
 - (iii) kesalahan orang yang berjalan kaki,
 - (iv) keadaan jalan raya yang buruk.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan kemalangan jalan raya yang disebabkan oleh haiwan peliharaan yang merayau di jalan raya, kerosakan jentera, kesalahan orang yang berjalan kaki, dan keadaan jalan raya yang buruk termasuklah:-

- (a) Tindakan memasang pagar di kedua-dua belah tepi lebuh raya untuk menghalang binatang ternakan melintas.
- (b) Tindakan penguatkuasaan oleh pihak Peronda Lebuh raya dan pihak-pihak berkuasa tempatan bagi membanteras masalah binatang ternakan berkeliaran di lebuh raya dan di jalan-jalan raya.
- (c) Perkhidmatan telefon di lebuh raya untuk kemudahan orang ramai, menelefon dan meminta bantuan apabila berlaku kerosakan kereta di lebuh raya.

- (d) Membina lebih banyak jejantas, 'zebra crossing", subway, dengan izin, bagi manfaat pejalan kaki, meningkatkan penguatkuasaan terhadap para pejalan kaki yang tidak menggunakan kemudahan yang disediakan, di samping menjalankan kempen bagi menyedarkan golongan ini tentang bahaya di jalan raya.
- (c) Mengenalpasti lokasi jalan-jalan yang kurang baik keadaannya dan membahayakan untuk diperbaiki dan diletakkan papan tanda supaya pengguna jalan raya lebih berhati-hati di kawasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan yang akhir pada petang ini - Yang Berhormat Puan Hajah Habidah.

PUSAT PENGAJIAN BAHASA ASING

20. **Puan Hajah Habidah binti Jusoh** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:-

- (a) adakah usaha Kerajaan untuk meningkatkan lagi taraf komunikasi negara dengan negara luar dengan mengadakan satu pusat pengajian bahasa asing di bawah inisiatif MARA bagi memberi peluang kepada belia/pelajar mempelajari bahasa-bahasa asing yang utama;
- (b) kalau ada bilakah akan dilaksanakan;
- (c) bahasa apakah yang akan ditentukan di pusat pengajian itu;
- (d) adakah sijil dan ijazahnya akan diiktirafkan oleh Kerajaan; dan
- (e) adakah akan dilanjutkan pengajian mereka ke negara berkenaan setelah mereka tamat di Pusat Bahasa itu.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha untuk meningkatkan lagi taraf komunikasi antara Malaysia dengan negara-negara luar, MARA telah mengambil daya

usaha untuk menubuhkan sebuah institut bahasanya sendiri yang dikenali sebagai Institut Bahasa MARA. Dengan adanya Institut ini, ianya akan memberi peluang yang lebih luas kepada pelajar-pelajar dan belia-belia untuk mempelajari bahasa asing.

Bagi soalan (b), Institut ini dijangka akan memulakan operasinya pada bulan Januari 1992, iaitu di pusat sementara sebelum bangunannya sendiri dapat didirikan.

Bagi soalan (c), setakat ini bahasa-bahasa yang dikenalpasti untuk diajar dan dilatih di Institut ini ialah bahasa Inggeris, bahasa Jepun, bahasa German, bahasa Perancis, bahasa Arab dan bahasa Mandarin.

Bagi soalan (d), pelajar-pelajar dan belia-belia yang berjaya mengikuti latihan di Institut ini akan diberikan sijil oleh pihak MARA. Adalah menjadi hasrat Kerajaan agar sijil Institut ini diiktiraf oleh pihak Kerajaan. Perbincangan dengan pihak-pihak berkaitan akan diadakan bagi membincangkan soal pengiktirafan sijil-sijilnya.

Bagi soalan (e), adalah diharapkan agar lepasan-lepasan Institut ini dapat melanjutkan pengajian mereka di peringkat yang lebih tinggi ke negara-negara berkaitan. Walau bagaimanapun, ianya bergantung kepada syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan oleh unversiti-universiti berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup. Kita teruskan dengan urusan lain.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 21 hingga 36 akan dimasukkan dalam naskhah bercetak kelak].

USUL

RANCANGAN MALAYSIA KEENAM 1991-1995

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa Dewan ini

menyedari pertumbuhan pesat ekonomi negara dan pencapaian yang ketara ke arah matlamat sosio-ekonomi dalam tempoh pelaksanaan Rancangan Malaysia Kelima;

merestui usaha-usaha Kerajaan melaksanakan Dasar Pembangunan Nasional bagi mencapai pembangunan seimbang berasaskan kepada pertumbuhan dengan pengagihan yang saksama dan matlamat yang terkandung di dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua;

meluluskan Rancangan Malaysia Keenam yang bertujuan untuk melaksanakan strategi dan program serta menyediakan peruntukan bagi mencapai matlamat dan memenuhi tanggungjawab kita dalam Dasar Pembangunan Nasional, seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah Bil. 9 Tahun 1991;

Bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Keenam, Dewan ini menyeru semua rakyat Malaysia dari segenap lapisan untuk terus berusaha dengan lebih gigih dan penuh keazaman selaras dengan semangat Rukunegara, ke arah mewujudkan masyarakat yang bersatupadu dan adil serta membentuk sebuah negara yang progresif dan teguh.[2hb Ogos, 1991]

Perbahasan disambung semula.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Tuan Mustafa bin Awang menyambung ucapannya.

3.36 ptg.

Tuan Mustafa bin Awang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk menyambung ucapan saya pada 2hb mengenai dengan Kertas Rancangan Malaysia Keenam.

Dalam ucapan saya pada dua hari yang lalu, saya terhenti di suatu tempat setelah saya membelok ke kiri setelah saya mengembara dari Kuala Terengganu ke negeri Cik Siti Wan Kembang. Dahulu, di kawasan ini kalau hendak lintas Sungai Tawang, saya terpaksa menaiki feri buluh. Alhamdulillah, oleh kerana Kerajaan Barisan Nasional telah wujud di negeri Kelantan pada tahun 1978 dan berakhir pada bulan Oktober, 1990 baru-baru ini, feri buluh ini sudah tidak ada lagi dan telah digantikan dengan jambatan batu.

Sebaik sahaja saya melintasi jambatan batu ini, saya terus masuk ke kawasan Kubang Kerian. Di sana, saya begitu rasa gembira kerana saya dapat melihat sebuah bangunan yang begitu indah dan tinggi dan bangunan ini dikenali sebagai Universiti Hospital Kubang Kerian.

Jadi, walau bagaimanapun, saya yakin apa yang telah dibuat, dirancang oleh Kerajaan Barisan Nasional adalah memberi manfaat kepada rakyat jelata seluruhnya. Oleh kerana ada orang yang mahu dan telah menuduh mungkin dengan tidak disedari apa yang dirancang dalam Rancangan Malaysia Keenam dan RRJ.P2 ini tidak membayangkan roh slam.

Tuan Yang di-Pertua, berjasa dan lazim berlaku roh akan berada di dalam jasad kerana roh adalah merupakan salah satu benda yang abstrak. Mulai zaman dahulu, zaman Nabi, pernah ditanya, "di mana beradanya roh?" Maka Nabi lantas menjawab, "Roh adalah bukan urusan manusia, roh adalah urusan Allah s.w.t."

Tetapi kepada saya, sebagai orang UMNO dan penyokong Barisan Nasional, memberi keyakinan penuh apa yang telah dirancang dan dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional ini adalah merupakan jasad untuk ditempatkan roh-roh itu sendiri. Salah satu bukti, Islam membenci ada 3 perkara.

Yang pertama, miskin ataupun bangsat. Yang kedua, Islam benci kepada keadaan berpenyakit dan yang ketiga, Islam benci kepada bodoh iaitu jahil.

Maka tiga perkara ini telah menjadi dasar kepada Kerajaan Barisan Nasional bagi membasmi sama sekali sama ada memakan masa 10 tahun ataupun 50 tahun ataupun 1000 tahun, kalau Kerajaan Barisan Nasional ini diizinkan Tuhan kekal memerintah negara ini, Insya Allah.

Jadi salah satu contoh sepertimana yang saya sebut, Tuan Yang di-Pertua, di Kubang Krian sebuah hospital yang bertaraf universiti. Saya tidak fikir bahawa di hospital ini segala para jururawatnya ataupun nursenya yang wanita hidup dalam berdancing daripada pagi pukul 8 sampai petang - saya tak fikir, ataupun dia berjoget lambak melainkan dia menjalankan tugas merawat pesakit-pesakit. Begitu juga dengan doktor-doktor pakar yang ada di universiti ini ialah bagi merawat pesakit-pesakit supaya sembuh dan pulih. Jadi tidakkah ini sesuai dengan dasar yang dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional dan sesuai pula dengan kehendak Islam supaya rakyatnya tidak berpenyakit, rakyatnya di dalam sihat. Untuk melahirkan manusia yang sihat ini sama sekali memakan masa yang begitu panjang, memakan belanja yang banyak dan tenaga-tenaga pakar yang ramai. Tetapi apa yang mendukacitakan kepada kita pada pagi tadi kita tengok suratkhobar mengatakan tak kurang daripada 10 orang pakar perubatan akan undur daripada perkhidmatannya dengan Kerajaan. Salah satu sebab yang kita dapati melalui suratkhobar ini rasa tidak puas hatinya terhadap pembayaran upah oleh Kerajaan Barisan Nasional,

Saya akui Kerajaan Barisan Nasional tidak akan membiarkan para pakar ini menderita perasaannya, batinnya kerana ketidakcukupan gaji, tetapi oleh kerana memikirkan banyak lagi pakar-pakar lain di dalam negara kita harus dipertimbangkan bayaran upahnya maka dengan sebab itulah segala sesuatu rancangan tidak dapat dilaksanakan dengan secara automatik sekalipun para pegawai ini sangat penting dan diperlukan oleh negara. Saya yakin Kerajaan Barisan Nasional tidak akan membiarkan para pakar ini keluar meninggalkan Kerajaan,

kerana ianya akan mengaibkan sebuah negara yang sedang menuju ke arah pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang kita tidak perlu pakar-pakar ini ada kalau alat-alatnya tidak canggih dan tidak dilengkapi sepenuhnya. Misalannya, kita dapati hospital-hospital besar di dalam negara kita telah dibekalkan, telah disediakan dengan alat-alat yang canggih tetapi ada di hospital-hospital daerah tidak disediakan. Misalnya alat ultra-sound bagi melihat penyakit-penyakit dalam perut, dalam dada, hempedu dan sebagainya tidak dibekalkan. Saya berharap Kementerian yang berkenaan setelah menerima agihan peruntukan yang begitu banyak sehingga beribu juta ringgit, bukan sahaja harus menyediakannya malah menjadi kewajipan menyediakan alat-alat yang canggih ini di hospital-hospital daerah di seluruh negara.

Selain daripada ultra-sound, maka Kementerian Kesihatan juga harus menyediakan alat untuk pemeriksaan gula di dalam darah di hospital-hospital daerah, pusat-pusat kesihatan besar dan kecil, juga klinik-klinik desa.

Sepanjang yang saya ketahui seluruh klinik desa di dalam negara ini tidak disediakan alat-alat ini, begitu juga pusat-pusat kesihatan kecil. Apakah tidak perlu alat ini dibekalkan di klinik-klinik desa kerana para jururawat, iaitu bidan sewaktu memeriksa darah si ibu mengandung hendak memastikan ia kencing manis atau tidak, tidak hanya memadai memeriksa air kencingnya sahaja, malah ia harus diperiksa darahnya, setinggi mana darahnya, kerana lazim berlaku kepada manusia apabila gula dalam darahnya meningkat lebih daripada 5, maka ia sudah tentu terkena penyakit kencing manis. Jadi dengan sebab itu, pihak Kementerian Kesihatan akan menyediakan alat-alat ini kerana harganya tidak begitu mahal,

kalau tidak, kita malu, kita bertempik, bersorak di mana-mana sahaja kita telah maju, kita ada pakar, kita berjaya, tetapi benda yang sekecil ini sehingga hari ini tidak disediakan.

Saya berpendapat oleh kerana alat ini ataupun dikenal dengan nama dye-scan ini harganya kurang lebih antara \$480 hingga \$600 sahaja maka boleh disediakan serta-merta sebaik-baik Dewan ini tamat pada esok ataupun lusa, maka alat ini paling kurang sebelum akhir bulan Ogos ini alat-alat ini diadakan, dibekalkan di hospital, di pusat kesihatan besar dan kecil serta klinik-klinik desa.

Tuan Yang di-Pertua, bertolak daripada Universiti Hospital Kubang Krian **ini**, saya teringin hendak ke seberang sana, saya melintasi satu jambatan baru iaitu Jambatan Salor ke Pasir Mas. Saya rasa betullah sebutan saya ini - Jambatan Salor ke Pasir Mas, yang dahulunya di sini tidak ada jambatan. Saudara-saudara yang, berada di tepi sungai ini kalau hendak menyeberang antara satu tebing dengan satu tebing menggunakan sampan dan ada setengah-setengahnya sanggup berenang itupun yang agak perkasa. Saya tak yakin wanita berenang. Ini juga termasuk dalam bahagian jasad Islam. Maksud saya jasad Islam, seperti juga hospital ini merupakan jasad Islam, kerana roh berada dalam jasad. Kalau jasad tidak ada, roh tidak akan wujud, kerana saya ingin menjawab apa yang disarankan oleh Saudari Yang Berhormat daripada Kelantan, kerana beliau menyatakan bahawa rancangan yang dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional ini tidak menggambarkan roh Islam. Jadi saya suka menyatakan bahawa apa yang dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional ini ialah melahirkan, melaksanakan jasad islam. Setelah ada jasadnya, barulah roh itu ditiup ke dalam jasad.

Misalannya kalau dahulu di Kota Bharu tidak ada Balai Islam, sekarang sudah ada Balai Islam. Siapakah Kerajaannya mendirikan

Balai Islam yang menelan belanja berpuluhan juta ringgit ini di dada bumi Kota Bharu itu sendiri. Saya tidak fikir Kerajaan PAS dirikan, melainkan ialah Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan MenCeri Besarnya dahulu Abeng Mad. Barangkali Tuan Yang di-Pertua agak bingung dengan istilah 'Abeng Mad' iaitu Abang Mad, bekas Menteri Besar Negeri Kelantan. Jadi ini jasad Islam. Sama ada kita sebagai manusia mahu menghidupkan jasad ini setelah ditiupkan roh Islam, terpulang kepada kita. Apakah kurang bahawa Barisan Nasional mendirikan masjid-masjid/surau di dalam negara ini?

Saya minta kalau ada di antara Ahli-ahli Yang Berhormat ini ataupun. Tuah Yang di-Pertua sendiri mengetahui bahawa Kerajaan Barisan Nasional telah meroboh masjid dengan sengaja, tidak mengizinkan orang bersembahyang di dalam negara ini, pada petang ini pukul 6.30 saya akan berhenti daripada menjadi Ahli Dewan Negara. walau ada di mana-mana, kalaa ada Kerajaan Barisan Nasional dengan sengajanya meroboh dan memusnahkan masjid untuk orang-orang Islam mendirikan sembahyang, maka hari ini juga saya akan letak jawatan, tidak mahu lagi menjadi Ahli Dewan Negara kepada sebuah negara. dan Kerajaan yang zalim di dalam dunia ini. **[Tepok]**

Saya berharap sebagai Ahli Dewan, sama ada datang dari mana, laki-laki ataupun perempuan, sebelum bercakap harus berkira, harus berfikir, kerana falsafah orang bijak pandai mengatakan, kalau orang bijak, ia bercakap dengan hati, kalau orang yang tidak bijak, ia bercakap dengan lidah, kerana lidah tidak bertulang, boleh sahaja sebut apa sahaja.

Tetapi kalau bercakap dengan hati, harus kena berhati-hati sama ada kenyataan yang ia sebut atau bercakap itu benar atau tidak benar. Untuk itu, saya berharap kepada Ahli Yang Berhormat pada masa-masa yang akan datang jangan membuat sebarang tuduhan bahawa Kerajaan Barisan Nasional ini melaksanakan sesuatu tanpa memikirkan untung rugi, baik buruk kepada rakyatnya apa lagi dalam mengembangkan syiar Islam di negara ini.

Sebagai contoh yang saya sebutkan ini, maka sudah memadai kepada Ahli Yang Berhormat yang berkenaan memikirkan sejauh mana tersungguhan Kerajaan Barisan Nasional, kesungguhan para pemimpin Kerajaan Barisan Nasional ini untuk menyebarkan syiar Islam kepada rakyat seluruhnya. Terpulanglah kepada kita sama ada mahu atau tidak mahu sekalipun kita orang Melayu yang menganuti agama Islam mahu ikut atau tidak ikut, terpulanglah kepada kita tetapi sumbangan daripada negara, sumbangan daripada Kerajaan telah melimpah-ruah di dalam negara kita ini. Sama ada mahu terima atau tidak mahu terima, pandai menerima atau tidak pandai menerima, berbudi atau tidak kita sebagai rakyat, terpulanglah kepada kita. Biasa disebut, kita sebagai manusia terutama orang-orang Melayu, kita harus pandai menerima budi dan kita harus berterima kasih. Apabila kita berterima kasih kepada manusia bermakna kita telah bersyukur kepada Allah s.w.t.

Tuan Yang di-Pertua, dari jambatan Salor saya lintas dan saya terus ke Tumpat melalui Jalan Simpang Tok Mek Ngah dan masuk lagi ke Kampung Bunuhan. Dari sana saya teringat satu peristiwa yang sungguh menggerunkan, sewaktu saya menjadi seorang pegawai Kerajaan.

Saya hendak melintas satu jambatan batang nibong, empat batang diikat dan diletak di antara satu tebing dengan tebing sungai dan pada masa itu saya rasa sungguh kecut perut kerana kalau land rover yang saya naiki ini terjatuh atau tergelintir dari batang nibong ini, mungkin saya tidak akan sampai ke mari, mungkin sudah menjadi mayat dan tinggal arwah di sana. Tetapi oleh kerana hati-hati, land rover ini sampai ke seberang terpaksa melalui jalan di dalam pokok kelapa bengkok-bengkok.

Setelah Barisan Nasional mengambilalih pada tahun 1978, negeri Cik Siti Wan Kembang ini telah maju. Orang Kelantan kata tahun 1954, 1955 emak kahwin seorang jejaka. Tidak berapa lama kemudian lebih kurang dalam tahun 1959, emak bercerai dengan jejaka **ini**. Dalam tempoh antara empat atau lima tahun tidak dapat ayah emak menyediakan harta pusaka untuk anak. Apabila tahun 1959 sehingga 1978 kira-kira jaraknya lebih kurang 18 tahun, anak yang dilahirkan ini telah berumur 18 tahun sudah tahu beza dan ada yang lelaki ini mula balik jauh malam kerana ada urusan di luar. Dalam tempoh **itu**, adik beradik **tiri** yang dilahirkan dalam tahun 1955/1956 terasa sangat sedih melihat adik setelah ibunya berkahwin pada tahun 1959 walaupun 18 tahun punya masa, baju kainnya masih yang lama lagi, kopiahnya- masih lama, jubahnya masih lama, kadang-kadang berbau tengik kerana terlalu hendak berjubah, jubah ada satu tidak sempat hendak cuci ataupun hendak basuh, hendak jemur takut lambat kering, pakai itu juga sampai berminggu-minggu sampai kadang-kadang berbau tengik. Jadi adik yang bapa dahulu berasa sedih. 18 tahun punya masa emak berkahwin baru, adik siksa. Bukti siksanya banyak.

Saya juga masih teringat, saya kerja di waktu itu dengan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia memperuntukkan kepada negeri Cik Siti Wan Kembang ini demi kemajuan nelayan-nelayannya dalam tempoh lima tahun Rancangan Malaysia Kedua sebanyak \$1.92 juta.

Tuan Yang di-Pertua malang sekali ketika itu kerana bapa tiri agak fanatik, bapa tiri tidak mahu kepada harta datuk yang ada di Kuala Lumpur ini, dilaburkan kepada anak-anak di sana takut kenang budi, daripada peruntukan \$1.92 juta ini dalam masa lima tahun hanya boleh dibelanjakan sebanyak \$24,000 sahaja. Saya berani tegaskan demikian di Dewan yang mulia ini kerana saya salah seorang pegawai yang terlibat secara langsung membelanjakan duit ini di negeri-negeri di Pantai Timur termasuklah negeri Cik Siti Wan Kembang ini. Alasannya dan sebab-sebabnya ialah kerana apabila kita hendak dirikan bangunan, hendak mewujudkan jasad Islam maka pemimpin atau ketua, bapa tiri ketika itu di negeri Kelantan tidak bersetuju.

Saya pernah dianjurkan oleh Kerajaan Negeri supaya membuat satu permohonan tanah di kawasan Pengkalan Chepa hendak mendirikan bangunan, hendak dijadikan Pejabat Lembaga Kemajuan Ikan. Surat ini terpaksa ditulis kepada Menteri Besar, bukan seperti negeri-negeri lain ditulis kepada D.O. Hanya negeri Kelantan sahaja menulis kepada Menteri Besar. Maka dijawablah surat yang ditandatangani oleh Timbalan Menteri Besar pada masa itu Encik Wan Ismail bin Ibrahim kalau tidak silap saya "Permohonan tuan terpaksa ditolak sebab tanah ini mahu digunakan oleh Kerajaan Negeri." Begitulah ringkasnya jawapan kepada kami. Saya ketika itu tidak rasa apa-apa,

memang kita sudah bayangkan duit Kerajaan Persekutuan yang dilaburkan di negeri ini memang sukar, kononnya takut rakyat terutama nelayan-nelayan ini mengenang budi, apabila mengenang budi akan membalas budi, jadi untuk tidak membalas budi, membiarkan anak ini mati kehausan dan kelaparan, tanah ini ditolak. Tidak lama kemudian tanah ini telah diluluskan kepada orang perseorangan, sahabat baik orang-orang kanan dalam Kerajaan Negeri Kelantan dan telah bertukar tangan dijual dengan harga \$65,000. Kalau Tidak percaya kata saya, sila semak rekod tanah Negeri Kelantan ini yang berlaku.

Selepas itu kalau kita hendak ke Pengkalan Kubur, kita terpaksa melalui tanah berdebu bengkok-bengkok.dalam kawasan pokok kelapa di Pantai Tujuh. Setelah Kerajaan Barisan Nasional memerintah negeri Kelantan, Pantai Tujuh dipindahkan menjadi satu kawasan pelancongan yang terkemuka di kawasan Pantai Timur dan di sanalah lahimya atau diadakan satu pertandingan wau antarabangsa, maknanya tidak mudah Pantai Tujuh menjadi tempat pertandingan wau antara bangsa.

Siapa melaksanakan ini, bukan PAS, ialah Kerajaan Barisan Nasional.

Apabila kita melintasi Geting, kita dapati di sebelah kanan jalannya sudah ada rumah-rumah kos rendah, yang dahulu tidak ada, semak samun di kawasan itu. Dan sekolah menengah pun ada di sana, dan yang bagus sekali, terutama kepada orang-orang muda, tidak termasuk saya kerana saya sudah lama, sebuah feri telah wujud di Sungai Kelantan, Sungai Golok, di Kuala Tak Bai supaya senang orang kita menyeberang ke sana dan orang sana menyeberang ke ~~mari~~ dan di sana wujud kedai-kedai tanpa cukai dengan harga yang murah dan berpatutan. Apakah ini tidak menampakkan bahawa Kerajaan mahu kepada orang Melayu menjalankan perusahaan dan peniagaan demi untuk mengatasi daripada perkara yang dibenci oleh Islam iaitu bangsat. Tidakkah ini satu daripada gambaran baik yang telah Kerajaan Barisan Nasional ini wujudkan jasad Islam? Mengapa hendak kita tanya tidak menggambarkan roh kerana roh benda yang abstract, benda yang tidak nampak dilihat. Jadi, maksud saya jasad-jasad Islam ini ialah benda yang dapat dilihat jambatannya, jalanrayanya, suraunya, masjidnya, ladangnya, estetnya, sehingga ikan pun kita hendak adakan, hendak wujudkan estetnya. Ini saya kira sudah sangat sesuai seperti yang dikehendaki oleh Islam, kerana mengkayakan, menyihatkan rakyat dan mencerdikkan rakyat. Kalau dahulu hanya sebuah universiti, sekarang sudah enam, tujuh.

Ahli Yang Berhormat dari Kelantan pernah menyebut, tegasnya orang-orang Melayu yang beragama Islam ini sekalipun dijajah oleh Portugis, Belanda dan British, namun ianya tetap berpegang kepada ajaran Islam yang maha suci. Kalau 500 tahun dahulu orang Melayu

sanggup mempertahankan agamanya, sedangkan waktu itu dalam keadaan yang susah, payah, serba-serbi kekurangan, dalam keadaan miskin dan bodoh serta berpenyakit, orang Melayu sanggup. Kalau orang Melayu dahulu sanggup mempertahankan kedaulatan Islam, maka inilah orang Melayu yang ada di Dewan ini dan orang-orang Melayu yang ada di negara ini adalah keturunan Melayu di zaman British dan di zaman Portugis. kalau datuk-neneknya sanggup mempertahankan dalam keadaan serba-serbi payah, maka apa salahnya kepada anak cucu-cicitnya menyambung mempertahankan Islam di negara ini. Apakah ini tidak lagi sesuai, tidak menunjukkan satu petanda yang baik bahawa Kerajaan Barisan Nasional ini layak memerintah negara.

Tuan Yang Berhormat, Yang Berhormat ini ada menyebut barangkali dia hendak menyatakan bahawa Kerajaan Kelantan telah membatalkan sama sekali lesen judi. Apa kurangnya dengan Kerajaan Barisan Nasional. Di negeri Sarawak, di tanah Kenyalang telah batal sama sekali mengenai dengan judi. Dan Yang Berhormat jangan kluatir negeri Terengganu sebagai negeri Darul Iman juga akan membatalkannya apabila tiba masanya. **[Tepuk]** Tetapi kita tidak akan tergesa-gesa, kita tidak akan melakukan sesuatu dalam keadaan tergesa-gesa. Kita takut kita akan ditempelak, kita takut kita aka dinista, kita takut kita aka dicerca oleh orang ramai di mana kita kata kita batal ini semua batal siang, malam berjalan. Barangkali, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu pernah ke sana atau tidak, negeri Puteri Saadong. Siangnya memang kurang orang main judi, tetapi. kalau malamnya ada, entah ada lesen ataupun tidak. Serupa juga dengan disko-disko ini tidak kurang di sana. Dan saya pernah menari di sana sampai 9 jam. Saya hendak uji, bukan saya hendak mencari maksiat.

Yang pertama saya hendak **uji**, saya boleh tahan atau tidak. **Menari** dari petang pukul 9 sampai pukul 2 pagi. Umur ~~man~~ saya, saya dapati masih kental lagi,

Yang kedua, hendak **mempasti** benar atau tidak penyakit ini dihapuskan, saya dapati tidak, **bila-bila**, Menunjukkan ini pada lahimya dibatalkan, tetapi pada hakikatnya masih wujud. Masih wujud perkara ini. Jadi, dengan sebab itu hendak melakukan sesuatu jangsan tergesa-gesa.

Dahulu bapa **tiri** yang ada sekarang, wanita tidak boleh menjadi calon, kerja malam pun tidak boleh, nurse pun tidak boleh kerja malam. Kalau kebetulan ada orang hendak bersalin, orang lelaki jadi bidan. Tetapi hari **ini**, wanita dahulunya tidak boleh Wakil Rakyat sekarang apa yang berlaku dalam Dewan kita. Wanita jadi Ahli Yang Berhormat dan di Kelantan pun ada wanita jadi Ahli Yang Berhormat. Hari ini nurse di hospital pun kerja malam. Kalau barangkali, Tuan Yang di-Pertua, pergi ke Kelantan akan jumpa wanita-wanita yang menjadi jurujual di supermarket sampai malam, sampai pukul 10. Saya tidak tahu istilah di sana, pukul 10 itu bukan malam, kerana lampu terang. Jadi, saya berharap tidak guna lagi kita bercakaran sesama sendiri, marilah kita bersama-sama kembali dalam satu kumpulan, satu kumpulan UMNO dan dalam Barisan Nasional.

Tuan Yang, di-Pertuan Yang Berhormat, sila habiskan ucapan kerana Yang Berhormat telah berucap selama 50 **minit**.

Tuan Mustafa bin Awang: Ya, saya akan cuba seberapa ringkas...

Tuan Yang di-Pertua: Masih ada 10 orang.

Tuan Mustafa bin Awang: Saya minta izin sedikit sahaja lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak pulang balik daripada Siti Wang Kembang. ke negeri Terengganu semula. Jadi, saya ikut Pasir Putih., saya jumpa seorang putri tepi jalan, saya tanya dia siapa awak? Dia kata saya puteri rumput.

Saya tanya ke mana puteri padi? Dia kata puteri padi pergi keluar sekarang ini bersiar-siar. Saya kata fasal apa? Dia kata kurus-kering. Pasal apa kurus-kering? Puteri padi kata dia kurang baja. Saya kata sebab apa kurang baja? Dia kata bapa yang ada sekarang, ini tidak mahu terima baja datuk dari Kuala Lumpur. Dia hendak keluar bajanya sendiri, duit orang simpan baik-baik dia keluar tabung itu hendak beli baja. Lepas itu dia kata ayah beri amaran kepada kita. Macam mana amarannya bunyinya. Barang siapa terima baja daripada datuk-datuk kita di Kuala Lumpur maka telaga dan pintu air ditutup. Ini ayah kata. Lagi risau dia, pintu air hendak tutup. Makna puteri padi akan kekeringan tidak boleh mandi, tengit tubuh-badan. Itu amaran dia. Jadi, ini kerja orang alimkah, kerja apa ini? Saya berpendapat ini bukan kerja orang alim, ini kerja orang jahil. Di luarnya alim, di dalamnya jahil.

Untuk makluman, Tuan Yang di-Pertua, Allah s.w.t. tidak akan melihat jasad ini, mata berkelip-kelip, dia tidak lihat besok. Dia akan tengok hati, nur sama ada orang itu ikhlas atau tidak memimpin. Bukan dengan cakap-cakap sahaja. Jadi risaulah puteri padi. Kalau dahulu puteri rumput kata saya jarang berpeluang bersama-sama puteri padi kerana dia hebat orangnya, tetapi hari ini dia sudah ambil tempat puteri padi. Bukit Marak sudah tidak semarak dahulu lagi. Pasir Putih tidak seputih sekarang lagi. Pasir Mas sudah menjadi pasir besi kerana apa yang Kerajaan Barisan Nasional hendak hulur kepadanya, dia tahan. Lepas itu dia tuduh Kerajaan Barisan Nasional pilih kasih, kononnya diskriminasi.

Hatta perkara yang kecil sahaja Kerajaan Barisan Nasional tidak mahu tolong, katanya, iaitu bantuan kepada sekolah-sekolah pondok.

Apakah Yang Berhormat dari Kelantan ini sedar, Kerajaan Barisan Nasional telah dirikan pondok-pondok moden di negeri Kelantan dan Kerajaan Barisan Nasional di negeri Terengganu juga telah dirikan pondok-pondok moden, apakah kita sanggup melihat zaman yang canggih ini, penuntut-penuntut, pelajar-pelajar di pondok yang lama ini tidur berbantal kepada kelapa komeng, ~~mas~~ lagi kita mahu begitu? Dalam keadaan gobok-gobok yang buruk, tidakkah kita mahu mempermodenkannya kerana kita sama-sama menuju ke suatu alam yang kekal abadi? Wakil dari Kelantan harus ingat bahawa tidak kurang para pemimpin Kerajaan Barisan Nasional ini yang menyedari hakikat ini. Walau bagaimanapun, kami akui bahawa tidaklah sesempurna Allah s.w.t. melakukan sesuatu ke atas makhluknya kalau hendak dibandingkan dengan manusia melaksanakan rancangannya itu sendiri. Kita akui **ini**. Manakan boleh, kita hendak satukan, hendak samakan, kudrat iradat Allah s.w.t. dengan daya usaha yang dibuat oleh manusia tidak boleh. Dengan sebab itulah berlakunya sedikit sebanyak kekurangan terhadap Kerajaan Barisan Nasional.

Jadi, dengan sebab itu saya berharap bagi pihak Kementerian Pertanian akan memikirkan bersama-sama dengan Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi supaya Lembaga Pertubuhan Peladang ini, kalau boleh difikir, dikaji, diatur dengan begitu rapi supaya disatukan dengan Pertubuhan Pekebun-pekebun Kecil di Malaysia, kerana apa yang

saya dapati, Pertubuhan Pekebun-pekebun Kecil ini ahli-ahlinya agak ketinggalan kebelakang. Ada di antara ahli-ahlinya telah memberitahu saya, banyak tanah yang dimiliki oleh Pertubuhan Peladang, terutamanya di Pahang diletak nama under trustee, dengan izin, kepada pemimpin-pemimpin tertinggi Pertubuhan Pekebun-pekebun Kecil. Sama ada ini benar atau tidak, saya berharap Kementerian yang terlibat menyiasat, jika didapati benar, pegawai-pegawai tinggi ini, maksud saya pegawai-pegawai dalam Pertubuhan Pekebun-pekebun Kecil menggunakan tanah ini menjadi cagar kepada dirinya, bertindak dan hukum mereka, supaya setimpal dengan apa yang dilakukan oleh mereka.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, silalah habiskan ucapan dalam masa dua minit.

Tuan Mustafa bin Awang: Insya Allah, saya akan cuba.

Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Walaupun Kementerian ini baru dan saya ucapkan syabas, terima kasih kepadanya banyak-banyak kerana telah berjaya tetapi tidak memadai dengan begitu. Saya tidak tahu sama ada telah dibuat atau tidak supaya mana-mana mereka, sama ada bumiputerakah, bukan bumiputera yang berminat hendak melaksanakan projek pelancongan, sama ada kecil atau pun besar, terutama sekali yang kecil-kecilan ini akan diberigalkan dan kursus oleh Kementerian ini kepada mereka, cara-cara hendak mendirikan rumah atau pun chalet, di mana harus dia mendapat kebenaran, dari mana punca hendak dapat duit, cara mana hendak melayan orang-orang yang datang sebagai pelancong, bagaimana hendak mendapat kelulusan daripada Pejabat Daerah, Majlis Daerah, Majlis Perbandaran atau pun Bandaraya di seluruh negara. Kerana kita

dapati ada yang mampu terutama orang-orang muda hendak dirikan **ini**, tetapi menjadi kesukaran.

Yang pertama, tidak mengetahui dengan 100%. Yang kedua, ada anti body di kalangan ahli-ahli Majlis-majlis Daerah dan ada tempatnya telah dihukum puluhan ribu ringgit lesen tidak dikeluarkan. Tetapi tempat pelancongan ini masih orang datang. Jadi, ini satu masalah yang rumit. Dengan sebab itu, Kementerian ini adalah sangat sesuai supaya mengadakan kursus-kursus kepada mereka atau pun bakal yang hendak mewujudkan pusat-pusat pelancongan di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu dalam Rancangan Malaysia Yang Keenam selepas ini saya akan berhenti saya juga berasa sedih, dengan kita bersungguh-sungguh benar, beratus ribu juta ringgit kita keluar duit dan kita telah agihkan duit ini kepada Kementerian-kementerian yang berkenaan, apakah kita lupa ada sebahagian manusia yang tidak bemasib baik, yang tinggal di rumah setinggan di Kampung Kerinchi dan, kampung-kampung lain, terutama sekali di Kampung Kerinchilah, di bandaraya Kuala Lumpur **ini**, kerana ini Bandaraya, dan tanah ini akan digunakan, dibuat bangunan baru, bangunan batu, bertingkat-tingkat dan juga hendak diisi manusia. Saya tidak tahu bagaimana dikira, dan orang ini hendak dihalau keluar tanpa diberi sebarang bayaran pampasan.

Saya rasa ini sangat tidak sesuai kerana kira-kira 3,000 buah rumah walau pun kecil, hitung panjang tiga orang pengundi dalam rumah ini, tentu ianya ada 9,000 pengundi paling kurang. Walaupun dia tidak mengundi di dalam kawasan perumahan Kampung Kerinchi, ada setengah-setengahnya akan mengundi di tempat-tempat lain. Sebagai Kerajaan yang dipilih oleh rakyat, terutama Kementerian dan Menteri yang terlibat harus memikirkan **ini**, sekurang-kurangnya. Kalau pun

hendak dipertimbangkan rumah baru yang hendak didirikan ini kepada mereka ini, jadikanlah wang pampasan itu seolah-olah duit bayaran maka kepada pembelian rumah baru yang akan didirikan itu.

Suatu tindakan yang tidak menyenangkan pada perasaan saya ialah orang-orang kita yang diberi kuasa, diberi tauliah sebagai penguatkuasa telah sanggup bersubahat dengan mereka yang hendak menjadi ahli-ahli developer syarikat yang berkenaan, menghalau penghuni rumah ini pada waktu pagi, pukul 4.00, pukul 5.00 dan pukul 6.00 pagi. Dan ada saya telah dimaklumkan, mengikut laporan yang dilaporkan kepada Polis bahawa penghuni-penghuni rumah di sini, ada yang telah diacu dengan pisotl oleh pihak kakitangan pemaju. Saya berpendapat dan saya masih ingat bekas seorang Wakil Rakyat telah menunjukkan pistolnya di atas feri di Pulau Pinang telah diambil tindakan oleh Kerajaan, bukan mengacu ke perut atau pun ke kepala, menunjukkan yang ia memiliki pistol dalam bentuk yang menakutkan orang, lain telah diambil tindakan oleh Kerajaan, terutama sekali oleh Menteri Dalam, Negeri. Inikan pula kakitangan ini telah tunjukkan dan acu pistol ini ke perut penghuni yang berkenaan, kenapa satu kesan tindakan undang-undang tidak diambil?

Tuan Yang di-Pertua, demi kepentingan, keadilan, kesaksamaan bagi kemakmuran seluruh rakyat, supaya kekayaan negara ini dirasai oleh semua rakyat, mengikat keadaan-keadaan dan kepatutan-kepatutan yang mereka dapati, saya berharap Kerajaan dan Kementerian yang berkenaan, mengkaji dan memikir semula dan lihat semula tandatangan bekas Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Selangor iaitu Dato' Ahmad Razali bin Mohd. Ali yang memberi kebenaran tinggal penghuni-penghuni Kampung Kerinchi itu di Kampung Kerinchi.

Dengan sebab itu, sekali lagi saya berharap penduduk-peududuk Kampung Kerinchi ini jangan disia-siakan kerana mereka juga adalah rakyat yang sama-sama memberi undi sehingga lahir dan tertubuhnya Kerajaan Barisan Nasional yang kita anggap sebagai sebuah Kerajaan yang akan memberi keadilan kepada rakyat seluruhnya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, pada masa sekarang ada 12 orang Ahli yang telah memberitahu bahawa mereka-hendak berucap, dan mengikut peraturan, pada hari esok Menteri-menteri akan memberikan jawapan. Sungguhpun saya juga telah menerima surat daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya mesyuarat ini ditambah kepada satu hari lagi pada 7hb Ogos untuk memberi peluang Ahli-ahli membahaskan Rang Undang-undang yang masih ada, oleh sebab itu, kalau perlu esok satu resolusi akan dikemukakan. Daripada hari ini, di sini saya merayu kepada semua Ahli-ahli yang hendak berucap, silalah berucap menimbulkan perkara-perkara yang berkaitan dengan apa yang dibincangkan hari ini iaitu Rancangan Malaysia Keenam, maka tak perlulah dikeluarkan perkara-perkara yang lain. Saya harap tiap-tiap seorang yang berucap, silalah mengambil masa lebih kurang 15 minit. Sekarang, saya menjemput Yang Berhormat Puan Rosnah.

4.23ptg,

Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana telah memberi peluang untuk saya sama-sama menyokong Rancangan Malaysia Keenam (RM6) yang telah dibentangkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha di dalam Dewan yang mulia ini.

Sesungguhnya RM6 dirancang atas keyakinan Malaysia akan berjaya mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang dicapai sebelum ini.

Dasar dan strategi serta program yang diatur di dalam RM6 akan menyediakan asas yang kukuh untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

Strategi dan program yang terkandung di dalam RM6 dirangka: setelah mengambilkira dan menganalisa halangan dan masalah yang dihadapi oleh negara.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Barisan Nasional sentiasa memikir dan merancang supaya rakyat akan hidup di dalam keadaan yang lebih selesa bahagia dan aman. Untuk menuju kepada matlamat yang dihasratkan itu, berbagai-bagai rancangan telah disusun atur untuk rakyat menyertainya. Sekarang terpulanglah kepada rakyat untuk menyahut cabaran-cabaran dan melaksanakannya dengan semangat positif. Semua perkara harus dirancang dengan teliti, tersusun dan berkesan,

Kerajaan telah berhasrat untuk membasmi kemiskinan dan begitu banyak peruntukan telah dikhaskan bagi program ini. Walaupun hasrat Kerajaan itu mulia, tetapi di dalam melaksanakan program itu terdapat beberapa kelemahan di sana sini contohnya projek membina

rumah agak terlambat dari yang dirancang kerana terdapat kesalahan teknik di sana sini. Rakyat yang sepatutnya amat perlu kepada program ini tercicir dari daftar yang terpilih.

Saya ucapkan terima kasih kepada pihak KEMAS iaitu dari Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar yang telah dapat menjalankan program membina rumah bagi rakyat termiskin itu.

Kepada tentera masuk desa juga, syabas diucapkan kerana mereka telah dapat menjalankan program pembinaan rumah secara bergotong royong.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa JKKK juga patut memainkan peranan yang lebih aktif dalam hal ini kerana mereka sedang berada di dalam kawasan yang mereka tahu dengan lebih detil akan rakyat termiskin di sekeliling kawasan, yang mereka tinggal. Kita juga berharap supaya JKKK jugat dapat menyampaikan nama-nama orang-orang yang daif dan perlukan bantuan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Sungguhpun banyak rancangan dan aktiviti untuk membasmi kemiskinan, ianya kurang berkesan mungkin disebabkan sikap penerima atau peserta-peserta yang kurang faham akan maksud dan matlamat rancangan itu diwujudkan. Jadi, penerangan-penerangan ataupun kursus-kursus pembaharuan sikap mesti sentiasa ditanamkan supaya ianya, menjadi motivasi kepada peserta. Walaupun kursus-kursus ini ada dijalankan mungkin setahun sekali, ianya kurang berkesan kerana sebagai seorang manusia biasa yang menghadapi berbagai-bagai cabaran ianya perlu diingati selalu. Jadi, perubahan sikap ini amat perlu diberi penekanan supaya semua program yang dirancang itu akan berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Penerangan bagi pihak rakyat negeri Perlis Indera Kayangan, yang mana kami baru sahaja mendapat khidmat Radio 3 Kangar pada Ihb Jun 1991. Sesungguhnya rakyat mengalu-alukan khidmat Radio 3 Kangar yang saya anggap mendatangkan banyak faedah dari berbagai-bagai aapek seperti menjadi media untuk hiburan, maklumat-maklumat, berita-berita pelajaran termasuklah ceramah-ceramah agama. Masalah-masalah dari Jabatan juga dapat dikurangkan dengan adanya temuramah dari pegawai-pegawai Kerajaan dan soalan-soalan, melalui telefon.

Kita amat berharap supaya Kementerian Penerangan akan dapat menjadi media utama supaya semua rakyat akan mempunyai kesedaran sivik yang tinggi supaya harta-harta dan hak-hak Kerajaan dapat dijaga dengan baik dan sempurna dan kegunaannya dapat dinikmati bersama dalam keadaan yang selesa.

Begitu juga Kementerian Pendidikan yang tidak kurang bertanggungjawab bagi kesedaran sivik ini. Saya percaya semua Kementerian yang ada sedang mengamalkan dan dapat menolong mewujudkan kesedaran sivik kepada masyarakat Malaysia.

Tuan Yaag di-Pertua, adalah menjadi kenyataan bahawa penswastan akan membawa banyak kebaikan. Jadi kita mengalu-alukan penswastan, contohnya PETRONAS dan laia-lain lagi supaya produktivitinya bertambah, pengurusan lebih cekap dan taraf ekonomi akan menjadi lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, satu Kementerian yang merangkumi masyarakat petani, nelayan dan penternak iaitu Kementerian Pertanian

patut juga diucapkan tahniah. Bukit Cahaya Seri Alam yang menjadi Pusat Penyelidikan bagi masyarakat petani, nelayan dan pentenak dan terapat lawatan bagi rakyat Malaysia dan pelancong-pelancong dari luar negeri, saya rasa menjadi satu tempat yang amat menarik. Bila kita melawat di sana tempoh hari, kami dapat menyaksikan musim sejuk dengan salji dan snowman di dalam Rumah Empat Musim yang diadakan. Ini akan memberi dan merasakan musim sejuk di negara-negara sejuk sedangkan kita hanya melihat gambar dan baca dari buku-buku sahaja, tetapi dengan adanya- Rumah Empat musim itu akan memberi pengalaman dan rasa sebenar -akan salji yang trak pernah kita rasa kecuali kita ke negara-negara yang mempunyai empat musim.

Tahniah juga kepada Kementerian Pertanian kerana perhimpunan tahunan yang diadakan itu bukan sahaja dapat menyatupadukan masyarakat nelayan bahkan dapat merapatkan lagi semua- golongan masyarakat di samping dapat melihat berbagai aktiviti yang disusun.

Tuan Yang di-Pertua, ada negeri yang tidak ada pejabat-pejabat seperti Pejabat Pendaftar Syarikat. Jadi, saya berharap supaya perkara iai patut diadakan dan dipertimbangkan sekurang-kurangnya mengadakan cawangan supaya ianya juga akan memberi kemudahan bekerja dan membuat pengurusan oleh penduduk-penduduk negeri tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa bagi menyahut dan menjayakan Rancangan Malaysia Keenam, semua Kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan, badan-badan swasta, dan pakar-pakar telah bertungkus lumus bekerja, dan mengatur-susun strategi falsafah-falsafah dan saranan-saranan yang dikenalpasti untuk mencapai berbagai matlamat dan kejayaan untuk memberi faedah kepada rakyat dari berbagai-bagai golongan. Adalah diharapkan supaya keberkesanan dan kejayaan dapat menjadi satu kenyataan dan bukan hanya satu impian.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana rakan saya telah menyebutkan banyak perkara: di dalam ucapannya, sebelum- saya mengakhiri ucapan ringkas- ini, saya suka menyampaikan dua: rangkap pantun:

Amat Lebat buah papaya,
Berwarna-warni bunganya kembang;
Semua rancangan akan berjaya,
Kementerian dan perseorangan turut menyumbang.

Manis sungguh rasanya tapai,
Bawa dimakan di dalam taman;
Rancangan Malaysia Keenam dapat dicapai,
Rakyat makmur negara aman.

Dengan ini saya menyokong Rancangan Malaysia Keenam. Terima-kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Ng Thian Hock.

.32 ptg.

Dato' Ng Thian Hock: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kerana diberi peluang untuk berucap di dalam Dewan yang mulia ini. Sebagai Ahli Dewan Negara yang baru, izinkan saya mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Kerajaan Barisan Nasional kerana di bawah Kerajaan Barisan Nasional, Malaysia kini telah mencapai kejayaan dalam segala bidang yang menjadi kebanggaan seluruh rakyat Malaysia. Dalam Rancangan Malaysia Keenam yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini, Kerajaan telah mengemukakan beberapa strategik yang dinamik serta berkesan untuk mencapai matlamat Wawasan 2020 di mana Malaysia akan menjadi sebuah negara yang maju.

Tuan Yang di-Pertua, dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya mengalu-alukan Rancangan Malaysia Keenam kerana dalam usaha Kerajaan membawa segenap lapisan rakyat di negara ini mencapai pembangunan bersepadu, menuju ke matlamat Wawasan 2020, Kerajaan juga memberikan perhatian yang amat serius terhadap pembasmian kemiskinan di kalangan rakyat jelata. Justeru itu, saya menyokong sepenuhnya atas usaha Kerajaan memperuntukkan sebanyak \$600 juta untuk mengadakan program dan projek khas untuk mengurangkan tahap kemiskinan dalam tempoh 5 tahun yang akan datang. Dalam hal ini, izinkan saya menyarankan agar Kerajaan dapat menitikberatkan terhadap pembinaan lebih banyak rumah kebajikan bagi orang tua, membantu menyediakan tempat perlindungan dan juga keperluan asas yang lain bagi golongan yang termiskin dan yang kurang bernasib baik.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha Kerajaan untuk membanteras masalah kekurangan pekerja mahir, Kerajaan akan memperuntukkan sebanyak \$610 juta untuk program latihan. Selaras dengan usaha Kerajaan untuk memajukan program perindustrian demi mencapai objektif Wawasan 2020, saya menyarankan agar Kerajaan dan sektor swasta berganding bahu dan membina lebih banyak institusi teknik, dan vokasional di merata tempat di negara ini supaya lebih banyak tenaga mahir yang mempunyai latihan yang tinggi di peringkat Juruteknik dan ketukangan dapat diwujudkan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menarik lebih ramai pelabur asing melabur di dalam negara ini dan juga meningkatkan lagi industri pelancongan di negara ini, penekanan infrastruktur pengangkutan dan lain-lain infrustruktur adalah amat penting. Dalam hal ini Kerajaan akan memperuntukkan sebanyak kira-kira \$10.8 ribu juta untuk tujuan tersebut. Justeru itu, Rancangan Malaysia Keenam adalah satu usaha Kerajaan untuk memastikan agar negara mengadakan sistem pengangkutan dan perhubungan sama ada pengangkutan penerbangan, laluan darat dan perairan dapat dipertingkatkan.

Dalam hubungan ini, izinkan saya mengesyorkan agar pembinaan lapangan terbang international yang baru dapat dilaksanakan dengan kadar yang cepat kerana kebijaksanaan Kerajaan melaksanakan projek ini dapat membantu mempertingkatkan lagi industri pelancongan di negara ini dan juga membantu pertumbuhan ekonomi negara dengan pesat.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini terdapat juga jeti-jeti yang sedia ada di beberapa pelabuhan di negara ini yang telah pua lama terwujud. Justeru itu, jeti-jeti yang baru perlu dibina bagi menggantikan jeti-jeti penumpang untuk penduduk-penduduk di Pulau Lumut, Pulau Ketam dan Pulau Carey di Pelabuhan Kelang yang telah lama wujud dan digunakan oleh ramai pelancong pada hari minggu. Oleh itu untuk menjaga keselamatan penduduk-penduduk di Pulau-pulau ini dan juga pelancong-pelancong yang mengunjungi Pulau-pulau ini, maka saya mengesyorkan agar jeti-jeti baru didirikan.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Keenam ini adalah merangkumi pelaksanaan berbagai rancangan bagi kemajuan rakyat dan juga; pertumbuhan ekonomi negara. Dalam hal ini Kerajaan akan memperuntukan sebanyak \$104 ribu juta bagi perbelanjaan pembangunan sektor awam. Justeru itu, ingin saya menyeru agar segenap lapisan rakyat mahupun di sektor awam atau sektor swasta haruslah berganding bahu untuk menjayakannya. Saya berharap supaya tema Malaysian Incorporated, benar-benar dijalankan oleh semua pihak. Dengan adanya kerjasama dan sokongan daripada kedua-dua pihak, maka pelaksanaan projek-projek yang menguntungkan kepada negara dapat diselenggarakan dengan licin dan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjayakan projek-projek Kerajaan di dalam Rancangan Malaysia Keenam, nilai etika yang sesuai haruslah disemai di kalangan generasi muda melalui saluran yang formal atau tidak formal. Justeru itu, izinkan saya mengesyorkan kepada Kerajaan agar mendirikan lebih banyak pusat-pusat latihan bagi mendidik nilai-nilai yang berkenaan kepada generasi muda yang berbilang kaum dan berlainan latar belakangnya.

Tuan Yang di-pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, dalam usaha Kerajaan untuk memajukan negara sebagai negara maju, kebersihan alam sekitar perlulah diberi keutamaan agar melahirkan rakyat yang sihat dan berdisiplin. Pencemaran yang berleluasa boleh menjejaskas mutu hidup rakyat jelata. Dalam proses negara menuju kepada perindustrian, penggunaan bahan kimia secara sewenang-wenangnya dan pembuangan toksik industri haruslah terkawal rapi oleh pihak Kerajaan dengan kerjasama semua pihak yang terlibat.

Dalam hal ini Kerajaan akan memperuntukkan sebanyak \$40.35 juta bagi menjalankan penyelidikan dan melaksanakan projek-projek kawalan pencemaran alam sekitar. Kerajaan seharusnya mengenalpasti tempat-tempat yang, sesuai untuk pembuangan toksik industri di negara ini agar kebersihan alam sekitar dapat terjamin. Dengan cara ini kehidupan air dan haiwan-haiwan liar dapat dijamin.

Puan Yang di-Pertua, tentang meminda Akta Kanun Tanah Negara yang dicadangkan baru-baru ini, saya difahamkan kuasa ini hanya digunakan oleh Kerajaan dengan tujuan pembangunan negara iaitu pembinaan projek-projek yang meuguntungkan orang ramai seperti pembinaan sekolah, klinik, jalan raya, jambatan dan lain-lain infrastruktur.

Kerajaan akan bertimbang rasa dalam pemberian pampasan yang setimpal dengan harga pasaran kepada pemilik tanah. Saya juga difahamkan pemilik tanah tidak perlu bimbang kerana dalam soal pampasan yang tidak memuaskan, tuan punya tanah menuntut pampasan ini melalui mahkamah untuk mendapatkan pampasan yang munasabah.

Dalam hal ini, izinkan saya menyarankan kepada kerajaan supaya mengambil langkah-langkah untuk memastikan dalam proses pelaksanaannya tidak ada sebarang penyelewengan yang akan berlaku.

Puan Yang di-Pertua, pada petang **ini**, itulah ucapan ringkas saya. Sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Puan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk berucap di dalam Dewan yang mulia **ini**. Sekian, terima kasih.

Puan Aion binti Ariffin: Sila, Yang Berhormat Haji Ahmad Zahid bin Hamidi.

4.41 ptg

Tuan Haji Ahmad Zahid bin Hamidi: Bismillahir-rahmanir-rahim.

Puan Yang di-Pertua, terlebih dahulu dalam ucapan sulung saya ini dan sebagai Ahli baru Dewan yang mulia ini, izinkan saya untuk menjunjung kasih ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah memperkenankan perlantikan saya sebagai Ahli Dewan yang mulia **ini**.

Saya juga ingin turut mengucapkan terima kasih bagi pihak seluruh anggota kepimpinan Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia dan ahli-ahli Pergerakan Pemuda UMNO di seluruh negara kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah mencadangkan nama saya dan rakan saya, Yang Berhormat Saudara Saad Haji Man bagi menganggotai Dewan ini.

Puan Yang di-Pertua, dalam membahaskan Usul mengenai RME di Dewan yang mulia ini, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana pandangan-pandangan dan Wawasan Perdana Menteri yang pragmatik dan futuristik terhadap arah haluan sosio-ekonomi Malaysia untuk tempoh 5 tahun mendatang melalui Rancangan Malaysia Keenam ini.

Beberapa aspek yang sewajibnya diberikan penekanan dalam RME antara lain mencangkup soal pembangunan sumber kemanusiaan, atau dengan izin, human resources development. Dalam aspek ini perancangan terperinci wajib dilakukan terutama di dalam pembentukan sikap sahsiah dan keterampilan sumber kemanusiaan bukan sahaja dalam pencapaian guna tenaga yang dijuruskan dalam bidang-bidang yang terancang tetapi matlamat terakhir pada hemat saya ialah insanul kamil, dengan izin, manusia yang sempurna dalam pelbagai arena yang diceburi.

Sebagai bakal sebuah negara perindustrian, Malaysia tidak mampu mempunyai ahli-ahli profesional yang berketerampilan tetapi tidak mempunyai kualiti ketaatsetiaan kepada negara dan sikap yang positif terhadap perubahan-perubahan dan kecemerlangan yang bakal dilalui dengan gemilang oleh negara. Aspek-aspek ketatanegaraan dan kesedaran sivik serta peka terhadap wawasan pucuk kepimpinan hendaklah dijadikan tunggak utama bagi merancang pembangunan sumber kemanusiaan.

Rakan-rakan saya, pegawai-pegawai Kerajaan terutama yang wakil-wakilnya ada di Dewan ini sebagai pakar rujuk dan pegawai-pegawai bertugas hendaklah terus diberikan insentif dan diberikan inotivasi dalam kerjaya bagi mempertingkatkan kecekapan dan mutu kerja mereka. Di samping itu, perancangan bagi mewujudkan tenaga profesional dan tenaga mahir di sektor swasta dan awam hendaklah menuju ke arah matlamat yang sama.

Puan Yang di-Pertua, dari segi pemilikan kekayaan negara oleh bumiputera. Dalam dua dekad yang lalu, peningkatan pemegangan ekuiti bumiputera telah memperlihatkan pencapaian yang mengagumkan dari 24% pada tahun 1970 kepada 20.3% di akhir tahun 1990.

Namun demikian, Puan Yang di-Pertua, penguasaan ekuiti individu bumiputera harus dipertingkatkan kerana cuma 6.3% ekuiti ini dipegang oleh agensi Amanah tetapi individu dan institusi bumiputera memegang sebahagian 14% daripada matlamat asal 30%.

Usaha-usaha gigih melalui Yayasan Pelaburan Bumiputera dengan jentera-jentera pelaburannya seperti Permodalan Nasional Berhad, Amanah Saham Nasional Berhad, Amanah Saham Bumiputera Berhad dan yang terbaharu ialah Perbadanan Usahawan Nasional Berhad. Badan-badan ini hendaklah benar-benar diberikan keutamaan mengatasi mana-mana institusi dan agensi yang lain dan usaha menggembeling penyertaan bumiputera secara terus dalam pemilikan kekayaan negara dan secara aktif sebagai mendidik usahawan-usahawan bumiputera yang cemerlang dan membalas budi Kerajaan. Malahan bidang tugas Perbadanan Usahawan Nasional Berhad disarankan tidak bertindih dengan agensi-agensi yang sedia ada dalam usaha melahirkan usahawan-usahawan baru.

Puan Yang di-pertua, ae jauh ini tenaga profesional dan tenaga kerja yang diamanahkan mengendalikan semua organisasi di bawah Yayasan Pelaburan Bumiputera ini dengan gigih dan cemerlang berjaya menjangkau semua batas-batas momokan bahawa bumiputera tidak mampu mengendalikan organisasi gergasi pelaburan seperti Yayasan Pelaburan Bumiputera ini. Kejayaan mereka harus dijadikan contoh. Saya mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada mereka.

Puan Yang di-Pertua, mengenai bidang kuasa Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), masyarakat akan menjadi semakin canggih dan usaha-usaha pelaburan di pasaran saham akan semakin anggun. Negara tidak mampu mempunyai pelabur-pelabur yang mengancam dan menjalankan urusanniaga dalaman atau insiden trading yang akan mencarikerabakkan kepercayaan masyarakat terhadap pasaran saham.

Saya ingin mencadangkan agar Menteri Kewangan dan BSKL diberikan kuasa tambahan untuk membanteras dengan serta-merta urusanniaga dalaman bagi mengaut keuntungan peribadi dan menjejaskan urusanniaga pasaran saham bagi insititusi pembangunan kewangan atau, dengan izin., development finance institutions. Setakat ini Kerajaan Persekutuan telah mempunyai 5 buah institusi seperti MARA, Bank Pembangunan Malaysia Berhad, Bank Industri Berhad, MIDF, tidak termasuk Sabah Development Bank. Insititusi-institusi berkenaan tidak memperlihatkan langsung kecemerlangan dalam membantu melahirkan usahawan-usahawan bumiputera dalam industri yang menonjol. Malah usaha institusi ini nampak bertindih dan membazirkan sumber kewangan Kerajaan. Saya ingin menyarankan supaya kajian keberkesanan dilakukan dan juga perlu institusi ini disatukan dan diselaraskan aktivitinya.

Puan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh mengenai rancangan menghantar bakal usahawan pelajar ke luar negeri. Usahawan dan bakal usahawan yang dihantar oleh Unit Penyelaraaan Pelaksanaan di Jabatan Perdana- Menteri, yang dahulunya mempunyai program untuk mengadakan lawatan sambil belajar ke luar negeri, telahpun dihentikan. Oleh sebab itu, sesuai dengan dasar pembangunan negara yang baru ini, kajian semula terhadap perberhentian program ini hendaklah dijalankan dengan segera supaya program ini dapat dihidupkan semula. Kriteria pemilihan harus diperketatkan dan kajian keperluan latihan atau, dengan izin,, training needs analysis secara terperinci dan profesional perlu dilakukan.

Jika program ini dihidupkan semula kelak, saya yakin Kerajaan akan mengenalpasti hanya mereka yang layak sahaja dan memerlukan pendedahan serta latihan di luar negeri dihantar, manakala mereka yang memerlukan latihan dalam negeri diberikan latihan sewajarnya di sini melalui koordinasi dan penyatuan program latihan agensi-agensi yang telah saya sebutkan tadi.

Mengenai Tabung Pemulihan Usahawan (TPU), mengikut kajian sehingga 31hb Mei 1991, dari seramai 1,470 pemohon TPU ini, hanya seramai 179 orang pemohon atau 12,2% sahaja mendapat kelulusan bantuan. Manakala sebanyak \$385 juta dari penentuan \$500 juta telah diperuntukan kepada hanya 179 orang yang berjaya ini.

Tetapi dari jumlah tersebut hanya \$156 juta sahaja bantuan telah dikeluarkan. Jika kesahihan kajian iai benar, ini bererti 40.5% sahaja dari seluruh peruntukan telah diluluskan, manakala hanya 31.2% sahaja dari \$500 juta peruntukan telah digunakan dan dikeluarkan

Saya maklum kelewatan pengeluaran bantuan ini dan beberapa tatacara serta syarat-syarat yang terlalu ketat telah mengakibatkan ramai pemohon TPU terus gagal dalam perusahaan mereka dan tidak kurang pula diisytiharkan muflis oleh creditor mereka. Ini bermakna skim TPU tidak memperlihatkan keberkesanan untuk mencapai matlamat bagi memilihkan usahawan-usahawan berkenaan. Dengan ini, tindakan-tindakan segera hendaklah diambil bagi memastikan keberkesanan skim TPU ini,

Puan Yang di-Pertua, satu lagi hal yang perlu saya sentuh ialah mengenai konsep payung dan rangkaian perusahaan ringan. Kita menyedari bahawa HICOM dan Proton yang didayausahakan oleh Perdana Menteri telah mendapat satu kritikan yang tajam satu ketika dahulu, tetapi kini jelas sekali bahawa usaha-usaha gigih beliau bukan sahaja mendapat sanjungan pakar-pakar ekonomi dalam negeri dan luar negeri, malah sebuah majalah antarabangsa dalam keluaran terbaharu telah juga menyebutkan bahawa usaha-usaha Perdana Menteri telah menjadikan Malaysia sebagai negara yang kukuh dari segi ekonomi. Majalah yang berkenaan dahulunya memberikan kutukan azimat kepada Perdana Menteri dan kini mengakui bahawa Perdana Menteri adalah satu-satunya tokoh dari Malaysia yang dapat membangkit dan memulihkan ekonomi Malaysia. Dengan itu, setnua daya usaha yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita harus melihat

dan Kerajaan harus mewujudkan bagi sokongan terhadap industri-industri yang besar-besar tadi, suatu konsep payung dalam pembangunan perindustrian kecil yang akan dijadikan rangkaian sokongan industri-industri yang saya sebutkan tadi.

Saya ingin menyarankan di Dewan yang mulia ini agar konsep payung dan rangkaian " industri ringan dapat diperbanyakkan agar industri sokongan ini akan dimaafatkan sepenuhnya oleh pengusaha-pengusaha yang baru meningkat. Dua organisasi seperti Guthrie Trading dan Besta Trading tidak mencukupi untuk mencapai matlamat rangkaian berkenaan. Pada hemat saya sebuah organisasi gergasi yang menyatukan semua aktiviti-aktiviti rangkaian dan payung ini mestilah diwujudkan bagi menyelaraskan dan membantu usahawan-usahawan kecil yang gigih dan berpotensi untuk diketengahkan bukan sekadar dalam industri dan perdagangan dalam negeri, tetapi akan mampu memasuki pasaran antarabangsa.

Akhirnya, Puan Yang di-Pertua,, saya menyentuh mengenai soal perumahan dan kebajikan Anggota Tentera dan Pasukan Keselamatan. Dalam Rancangan Malaysia Keenam peruntukan perumahan tentera hanya 0.05% sahaja dari seluruh peruntukan Kementerian Pertahanan. Jumlah ini terlalu rendah dan ini tentu sekali merendahkan moral kerja anggota-anggota tentera dan ahli-ahli pasukan keselamatan seperti polis. Elaun perumahan bagi pegawai-pegawai rendah hanya \$80 sebulan, malah ini tidak memadai untuk menyewa rumah setingan sekalipun di bandar-bandar. Peruntukan iai perlu ditambah, di samping menambah pembelian peralatan seperti pesawat helikopter, kenderaan, alat-alat komunikasi yang lebih canggih kerana sejak kebelakangan ini banyak peralatan-peralatan terbang seperti ini meragut nyawa pegawai-pegawai dan anggota-anggota yang ditimpa

kemalangan udara. Sesungguhnya negara tidak mampu kehilangan perwira-perwira kita yang taat setia ini yang gugur tidak dalam medan perang, tetapi tewas dalam keterbelakangan teknologi yang tidak secanggih dan tidak seanggun keperluan semasa.

Akhirnya, Puan Yang, di—Pertua, saya menyokong usul Rancangan Malaysia- Keenam. Wasaalammu alaikum warahmatullahi Wabarakatuh.

Puan Ainon binti Ariffin: Sila Yang Berhormat Hajah Salbiah.
4.54 ptg.

Puan Hajah Salbiah binti Mohd. Akim: Puan Yang di-Pertua, saya tidak akan mengambil masa yang panjang kerana patuh kepada pesanan Tuan Yang di-Pertua kita tadi dan saya bercakap berkaitan dengan perkara-perkara yang tidak disentuh oleh beberapa-rakan yang telah bercakap.

Saya juga ingin menyokong RME yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Dewan Rakyat dan yang telah dibentangkan oleh Menteri di Jabatan Perdana- Menteri di dalam Dewan yang mulia ini untuk jangka masa 5 tahun yang akan datang dengan perbelanjaan yang begitu banyak \$104 bilion. Saya ingin bercakap berkaitan dengan pengagihan.

Puan Yang di-Pertua, dalam pembentangan ini ada satu perkara pengagihan, saya suka menyentuh perkara ini. Untuk melancarkan rancangan ini pengagihan kepada Kementerian-kementerian hendaklah saksama iaitu selepas pilihanraya baru-baru ini Perdana Menteri telah menubuhkan satu Kementerian baru. Kalau kita ada Kementerian Dalam Negeri dan Luar Negeri, begitu juga dalam perdagangan ada Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan ada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, ini sangat-sangat mustahak. Yang di luar negeri membawa kekayaan kepada negara ini

dan yang di dalam negeri untuk dinikmati oleh rakyat dalam negara ini. Maka pengagihan, pembahagian hak-hak Kementerian itu hendaklah disusun dengan rapi agar rakyat yang hendak mencapai atau hendak mencari sedikit peruntukan itu, umpamanya hendak berniaga biar dia tentu kepada satu-satu Kementerian sebab ada yang di luar, di luar pegang; tetapi yang di dalam pun di luar pegang. Ini susah. Jadi rakyat kita susah. Bila dia susah, sekali, dua kali, tiga kali dia tak dapat, dia pun bosan. Maka dengan tidak dapat penglibatan rakyat itu ke arah tujuan mereka untuk perniagaan, untuk perlesenan yang berkaitan dengan Kementerian, maka dia bosan dan rakyat tidak dapat keuntungan, rugi. Jadi tidak sampai matlamat kita.

Berkaitan lagi. Pada masa sekarang kita kata sukarelawan Saya rasa dalam negara kita pada hari ini sukarelawan sudah tidak ada. Bunyi ada, benda tak ada. Sukarelawan baik daripada apa sahaja kerana orang mencari imbuhan. Dia bekerja hendak makan, bekerja hendak wang ringgit. Kalau kita sahaja yang bekerja sukarela, tetapi ada di pihak-pihak yang lain membuat kekayaan, itu tak adil, tidak sama pengagihan yang kita cakapkan itu. Umpamanya, kita juga ada Kementerian Luar Negeri dan kita ada Kementerian Dalam Negeri. Di bawah Kementerian Dalam Negeri ini kalau tak silap saya, Puau Yang di-Pertua, ada berbagai-bagai sukarelawan, ada RELA, ada yang bekerja sukarela. Kadang-kadang pendaftaran untuk hendak menjadi sukarelawan itu ramai, tetapi bila hendak diadakan satu-satu perjumpaan atau kursus kepada sukarelawan ini, kalau 100 orang, 50 orang pun tak datang kerana di sana terlalu sedikit, tak patut dia hendak pergi kursus, tidak ada pertimbangan. Kita selalu lupa yang kecil-kecil ini. Saya selalu teringat ini, jadi saya beri peluang mengingatkan, umpamanya mileagenya 6 sen tambang, cuba semak kalau tak betul, kalau silap saya, minta maaf, 6 sen untuk satu batu perjalanan untuk hendak pergi kawat sukarelawan, ini tak patut.

Selepas itu dibayar dia \$1.20 atau 80 sen, begitu sedikit. Negara kita ini boleh dikatakan sudah begitu mewah tetapi janganlah pekerja sukarelawan itu sampai begitu kita berkira. Patut ini dinaikkan. Saya mendapat aduan perkara-perkara yang sedemikian rupa. Mereka merayu agar ditambah kerana kalau tidak, sukarelawan tidak ada lagi wujud dalam negara kita ini. Macam saya kata tadi, mereka mendaftar untuk menjadi sukarelawan beratus-ratus orang, yang bekerja hanya jawatankuasanya beberapa orang dan kalau hendak pergi, orang, yang paling taat sahajalah yang pergi. Kita berkehendakkan 50—60 orang, 10 orang pun susah datang. Ini tiada kejayaan. Patut pihak—pihak yang bersangkutan dengan perkara ini mengambil berat untuk menambahkan elaun itu. Tidak patut lagi 6 sen itu, orang Palau Pinang kata 6 duit sudah tidak ada harga. Orang bercakap berjuta—juta sekarang. Cuba kita lihat peruntukan ini \$104 bilion

Saya suka menyentuh lagi berkaitan dengan peruntukan. Kita memperuntukkan kepada Kementerian-kementerian, bunyinya kadang-kadang banyak. Saya juga kadang-kadang mendapat sedikit feedback dari Kementerian-kementerian, bukan mereka tidak mahu memajukan Kementerian itu lagi ataupun aktiviti-aktiviti Kementerian, umpamanya Kementerian Pertanian, tetapi peruntukan kepadanya banyak tetapi yang dapat sedikit, masa sudah pendek. Ini selalu rugilah. Kalau Kementerian itu rajin berusaha untuk menjayakan program-programnya, kita jangan hadkan dan dengan peruntukan sebanyak itu beri dengan cepat supaya nampak jasa-jasanya. Kalau tidak kerana tiada wang dia terhenti, rugi. Ini berlaku juga dalam keadaan seperti ini.

Sedikit lagi, Puan Yang di-Pertua, saya inginlah menyatakan perkara-perkara ini. Kita tentukan Kementerian ini, bahagian ini, orang ini kerja dia menyerapkan pegawai-pegawai Kementerian. Begitu juga Ciap-ciap Kementerian mesti selaras dan pengagihan mesti saksama. Kalau tidak, kita cakap tidak serupa bikin, buat apa? Yang tertinggal ialah rakyat kita. Dengar bunyi besar tetapi dapat kecil dan ada kalanya tidak merasa langsung, seperti melihat ikan di dalam air ataupun melihat ikan di dalam kaca, tengok dari luar sahaja, hendak makan tidak boleh, hendak buat apa pun tidak boleh, kita sahaja beri dia makan, tetapi kita tidak boleh makan **dia**. Jadi ini mesti saksama. Kalau kita tidak buat macam itu ini adalah Rancangan Malaysia. Keenam, bukan satu, **dua, tiga**, kita tidak faham, sudah keenam hendak sampai ke sepuluh. Ini adalah anak tangga pertama kepada Wawasan 2020 Perdana Menteri. Kita mesti belajar daripada rancangan yang keenam ini untuk memperkemaskan lagi rancangan kita sehingga matlamat kita tahun 2020.

Dengan ini saya menyokong RM6 ini agar berjaya dan pengagihannya saksama untuk masa depan. Sekian, terima kasih.

Puan Ainon binti Ariffin: Kalau mengikut senarai di sini, ini adalah giliran Yang Berhormat Puan Hajah Rogayah. Silakan Yang Berhormat.

5.05 ptg.

Puan Hajah Rogayah binti Che Mat: Puan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong suatu Usul Rancangan Malaysia Keenam. Puan Yang di-Pertua, Kerajaan harus diberi pujian di atas dasar-dasar yang tegas serta berani hingga berjaya membawa keluar negara ini daripada kemelesetan ekonomi yang teruk pada tahun 1983 dan 1986.

Kadar pertumbuhan tahun lalu 10% paling tinggi pernah dicapai. Kita percaya pertumbuhan ekonomi akan terus kekal pada paras tinggi sekiranya kestabilan politik hari ini dapat dipertahankan bagi membolehkan semua pihak menumpukan perhatian kepada pembangunan ekonomi negara.

Puan Yang di-Pertua, lapan strategi pembangunan dalam Rancangan Malaysia Keenam antaranya:

- (1) kecekapan daya saing ekonomi terus ditingkatkan dengan swasta memainkan peranan utama;
- (2) Kerajaan akan mengurangkan penglibatan dalam perniagaan dan perbelanjaan yang tidak produktif dan menyegerakan program penswastaan;
- (3) melonggarkan undang-undang dan peraturan pemilikan saham oleh pelabur asing;
- (4) program pembangunan perindustrian yang canggih dan pengeluaran barangan tempatan bermutu;
- (5) memperkukuhkan pembangunan pemasaran kewangan dalam negeri dan membantu sektor pembuatan;
- (6) integrasi yang lebih baik untuk memastikan pengagihan kekayaan negara meliputi semua golongan dan wilayah;
- (7) usahawan bumiputera akan terus dibantu bagi membentuk masyarakat perdagangan bumiputera berdaya maju; dan
- (8) mempelbagaikan asas ekonomi disamping mencari punca-punca pertumbuhan baru.

Menyentuh salah satu daripada lapan strategi pembangunan Rancangan Malaysia Keenam iaitu Kerajaan akan mengurangkan

penglibatan dalam perniagaan dan penglibatan yang tidak produktif bagi menyegerakan, program penswastaan. Dalam Kementerian Pertanian misalnya, salah satu daripada penglibatan total Kerajaan ialah LPN mengimport sendiri beras atas alasan kononnya barang-barang terkawal sedangkan kalaulah untuk mewujudkan masyarakat dagang bumiputera, apa salahnya diberi peluang mereka ini membeli dari negara—negara mana pun asalkan mereka mempunyai kemampuan untuk memenuhi keperluan Kerajaan dengan memperuntukkan sekian-sekian banyak kuota dan jangan pula peluang-peluang ini dibuka kepada pengusaha-pengusaha luar negara ini untuk sama-sama bertanding merebut peluang-peluang. Ini adalah untuk menjamin bidang yang satu di antara beribu ini dikhususkan kepada pedagang bumiputera kerana pembelinya Kerajaan sendiri...

Seperti yang kita sedia maklum, untuk memberi peluang besar memasarkan di pasaran terbuka, rasanya belum masanya bagi bumiputera dan di sini saya suka mengesyorkan supaya tindakan ini dapat dilaksanakan dengan kadar segera dan jangan pula terlupa kepada pedagang asing khususnya ataupun jangan pula terlepas peluang kepada pedagang asing khususnya daripada luar negara ini menjadi pembekal kepada negara kita.

Kerana kita sedia maklum negara-negara seperti Thailand, Burma dan Vietnam misalnya boleh membekalkan beras terus kepada negara kita tetapi dengan perubahan dasar ini peluang pedagang bumiputera pergi mencari dan membawa masuk sendiri kepada Kerajaan dan pecahlah tradisi pembelian G to G dengan izin, government to government yang dilakukan selama ini. Dengan ini peluang keemasan akan dapat dinikmati oleh walaupun tidak banyak, segelintir pedagang bumiputera punjadilah.

Menyentuh program pembangunan industri, kerajaan hendaklah memastikan diperbagaikan asas-asasnya. Pada masa ini kebanyakan daripada pengeluar sektor pembuatan adalah datangnya dari sektor elektronik dan tekstil yang tidak begitu banyak memberi sumbangan kepada negara bagi mewujudkan peluang pekerjaan. Oleh itu, galakan kepada pelabur yang mempunyai teknologi yang canggih dan yang sama juga menambah peluang pekerjaan menggunakan bahan-bahan tempatan untuk melabur di negara kita. Di samping itu untuk mengatasi masalah tenaga pekerja, Kerajaan mesti mengawasi dan meminta kilang-kilang menaikkan gaji, elaun dan imbuhan supaya menarik minat untuk bekerja di kilang-kilang. Sekolah-sekolah vokasional juga perlu didirikan lebih banyak supaya sektor perindustrian akan memperolehi bekalan buruh dan tenaga mahir yang mencukupi.

Puan Yang di-Pertua, semalam kita mendengar berita Kerajaan akan menubuh Suruhanjaya untuk mengkaji elaun perkhidmatan para-para doktor. Sebelum itu tanggagaji jururawat juga sudah diumumkan

mengikut, taraf diploma. Syabas kita ucapkan. Hendaknya setelah kita difahamkan kira-kira 70% daripada doktor yang ada sekarang sedang membuat perhitungan untuk keluar daripada sektor awam. Moga-moga ini salah satu daripada asas yang dapat menyelamatkan keadaan hari ini.

Puan Yang di-Pertua, anggota polis dan tentera juga perlu diberi perhatian yang serius kerana mereka ini terdiri daripada golongan yang berdisiplin kuat dan mereka ini tidak dapat bersuara untuk menjaga dan mengawal keadaan dalam negeri. Polis dan pasukan tentera bersiap mempertahankan negara di masa musuh walaupun dalam keadaan negara aman. Secara terang tidak ada tetapi kira kena beri semangat kepada mereka untuk berada di tahap disiplin yang tinggi dan menjaga kebajikan mereka dan taraf hidup mereka sebagai bekas anggota tentera, saya cukup arif dengan kehidupan mereka. Saya syorkan di sini supaya gaji dan elaun kedua-dua pasukan ini dikaji semula .

Puan Yang di-Pertua, menyentuh peruntukan \$600 juta untuk keluarga termiskin syabas diucapkan. Yang penting peruntukan dan pelaksanaannya seperti biarlah sampai ke bawah dan perlu memperkemaskan, prosedur supaya program ini berkesan dan jika perlu Kerajaan menambahkan peruntukan ini bukan setakat memberi rumah kediaman, malahan diberi mereka mengusahakan sesuatu yang tersusun, yang boleh menyara hidup yang berterusan. Memelihara temakan misalnya, bagi orang-orang kampung, projek-projek kecil pertanian ini sangat penting, lebih daripada projek yang lain kerana ini memberi kesan secara langsung kepada taraf penghidupan mereka.

Puan Yang di-Pertua, dalam menjangkau ke arah Wawasan 2020, orang-orang Melayu sendiri mestilah disatukan sama ada bersetuju atau tidak PAS mesti dibubarkan atau PAS memohon memasuki dalam Barisan Nasional. Hentikan orang-orang Melayu berpolitik berpecah belah dan halakan ke arah merebut peluang ekonomi. Apabila kedudukan orang-orang Melayu sendiri sebagai pribumi boleh disatukan atau bersatu bersama segala rancangan atau apa dasar sekalipun boleh dijayakan. Menyedari hakikat dan pengalaman mengajar kita dari beberapa dasar ekonomi baru misalnya beberapa pencapaian yang kita perolehi. Cuma 17% itupun pelaksanaan dan penglibatan yang terumbang-ambing, beberapa kerat yang dapat berpeluang dan meningkat arus, berapa banyak lagi yang tidak mendapat dan kita tidak nafi arus banyak juga orang-orang yang kena muflis, berapa banyak, pula masalah dan permasalahan, persoalan mengenai peruntukan kepada bumiputera khususnya. Namun, walaupun sememangnya Dasar Ekonomi Baru dikhususkan bagi peningkatan bumiputera tetapi secara tidak langsung memanfaatkan semua kaum dan semua golongan masyarakat.

Mengapa tidak di segi perdagangan luar dan dalam negeri walaupun kuota ataupun peruntukan bumiputera telah diperuntukkan tetapi pelaksanaan tidak dapat diselenggarakan kerana kekurangan kebakaran atau kemampuan dan mencapai sebanyak 17% itupun adalah hasil yang dinikmati bersama.

Puan Yang di-Pertua, kita juga bersyukur pembangunan FELDA adalah satu penglibatan harta dimiliki oleh orang Melayu. Tetapi jangan kita lupa walaupun pada hakikatnya hak milik atau peneroka

itu adalah orang Melayu sendiri tetapi hasil juga tidak dapat kita natikan dinikmati semua orang lain kerana kaum-kaum pedagang terdiri daripada bangsa-bangsa lain yang berada di bumi kita *ini*. Untuk itu usahlah kita pertikaikan sesuatu program yang diperuntukkan kepada bumiputera. Pada nama sahaja diperuntukkan kepada bumiputera tetapi hasilnya, penglibatan dan pelaksanaannya, adalah dibuat bersama oleh semua kaum yang berada di bumi Malaysia ini.

Puan Yang di-Pertua, asas untuk bergerak ke Wawasan 2020 tadi, seperti telah saya katakan kurangkan berpolitik antara orang-orang Melayu sendiri dan antara kaum-kaum lain di negara kita. Kerana tanpa perpaduan yang teguh ataupun tanpa keharmonian antara kaum dapat diasaskan maka Wawasan yang kita ajukan ini mungkin tidak dapat bertahan ataupun tidak dapat diwujudkan kerana apabila ada permasalahan politik ataupun ketahanan politik tidak dipertahankan, kemungkinan arus yang akan kita tuju ini akan menempuhi beberapa gelombang.

Untuk itulah marilah sama-sama kita walaupun di mana anda berada, kaum India misalnya kalau mereka pergi ke India, tidak mungkin mereka akan bermastautin di sana lagi. Begitu juga dengan kaum Cina. Sebabnya sekarang ini pintu untuk ke Cina sudah terbuka. Tetapi kalau mereka pergipun hanya sebagai tempat persinggahan. Kalau mereka merasa inilah satu negara yang tempat mereka sama-sama berkorban apa sahaja, sama-sama bangun dan sama-sama menikmati hasil perjuangan ataupun hasil kekayaan bumi *ini*, maka marilah kita dengan segala penuh keharmonian memberi

sepenuh sokongan dan kerjasama untuk menentukan sesuatu kaum tidak ada iri hati antara satu sama lain dan antara kaum-kaum ini tidak akan ada was-was dan ragu dan bimbang kerana pokoknya sebagai sebuah negara yang kita diami bersama, kita tidak dapat lari daripada keadaan ini.

Untuk itu marilah kita menghadapi hakikat dan kenyataan bahawa kita terpaksa mempertahankan bumi Malaysia ini dengan apa cara sekali pun. Peperangan tidak memberi keuntungan.

Sudah kita dapat belajar daripada apa yang telah berlaku di Timur Tengah misalnya, apakah untung bagi mereka itu sedangkau walaupun mereka di dalam satu agama, satu bangsa, tetapi mereka tidak dapat mempertahankan keadaan. Untuk itulah negara kita yang sebuah **ini**, negara kita yang kecil **ini**, marilah kita sama-sama dengan penuh dada terbuka untuk memberi sepenuh perhatian supaya tidak ada kaum-kaum di bumi Malaysia ini hanya untuk bercanggah hanya kerana untuk meminta sesuatu kuasa, hanya kerana perasaan untuk mengetuai antara satu sama lain, hanya kerana ingin mengatakan ini hak **dia**, hanya ingin mempertahankan sesuatu yang kalaulah dilakukan dengan kekerasan akan menimbulkan akibat yang tidak ada memberi manfaat ke mana-mana golongan jua.

Untuk itu sebelum kita lancarkau Wawasan 2020 **ini**, sebagai pemimpin—pemimpin masyarakat, marilah kita balik kembali kepada golongan kita dan berilah kefahaman supaya satu ketenangan, satu kedamaian yang tidak dapat dibeli, maka kita wujudkan kedamaian, harmoni antara kita sama kita. Perkenalkanlah kaum Malaysia di bumi ini walaupun Melayunya, Cinanya, Indianya dan apa bangsa sekalipun, ia adalah anak Malaysia. Dan marilah kita mempertahankan supaya kita wujudkan sebuah bangsa Malaysia untuk mempertahankan negara kita supaya rancangan Wawasan 2020 akan dapat kita nikmati, akan dapat kita capai ke tahapnya, kerana apa bila kita bersatu dengan segala tenaga mewujudkan penglibatan kita, meningkatkan ekonomi sesama kita sendiri, insya-Allah, kita akan dapat capai ke tahap yang, kita tuju, iaitu untuk menjadi sebuah negara maju, untuk menjadi sebuah negara yang disegani dan dapat berganding bahu antara negara-negara di dunia ini.

Terima kasih, saya sekali lagi menyokong Rancangan Malaysia Keenam dengan penuh harapan dan doa semoga setiap kaum di bumi ini menyedari hakikat bahawa sesuatu yang perlu diwujudkan dahulu adalah kedamaian, keharmonian. Inilah asas untuk kita bersatu menunjukan ke medan jaya.

Puan Ainon binti Ariffin: Silakan Yang Berhormat Puan Habidah.

5.23ptg.

Puan Hajah Habidah binti Jusoh: Terima kasih, Puan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk bersama dengan rakan—rakan di dalam Dewan yang mulia ini bagi menyokong Usul Rancangan Malaysia Keenam yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, Menteri di Jabatan. Perdana Menteri pada Ihb Ogos yang lalu. Dan saya juga tidak lupa mengucapkan tahniah kepada Puan Yang di-Pertua di atas kepercayaan Dewan memberi peluang kepada wanita memimpin Dewan.

Puan Ainon binti Ariffin: Terima kasih.

Puan Hajah Habidah binti Jusoh: Puan Yang di-Pertua, tahniah dan terima kasih kepada Kerajaan serta pegawai-pegawai di atas usaha gigih untuk membangun dan memajukan negara yang telah dirancang begitu rapi dengan menekankan aspek nilai-nilai agama dan moral.

Puan Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan sedikit pandangan dan pendapat serta teguran untuk perhatian dan kajian serta pelaksanaan oleh pihak Kerajaan sekiranya difikirkan perlu.

Puan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Keenam yang telah dibentangkan adalah lebih baik daripada Rancangan Malaysia Kelima dan memberi harapan besar kepada seluruh rakyat kerana ianya menjadi perintis untuk membawa negara ini menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Oleh itu, amatlah perlu disokong oleh

semua pihak kerana ia membabitkan pelbagai rancangan bagi kemajuan rakyat dan negara dan jaga sebagai satu strategi yang teratur untuk membangunkan negara. Rancangan Malaysia Keenam atau RM6 ini juga merupakan fasa pertama di dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua ataupun sebagai jambatan ke arah mencapai Wawasan. 2020.

Puan Yang di-Pertua, dasar pembangunan baru kini sudah melalui perubahan yang pertama apabila namanya ditukar menjadi Dasar Pembangunan Nasional, di mana tujuan utamanya masih ditumpukan kepada masalah-masalah kemiskinan tanpa mengira bangsa dan penyusunan semula masyarakat supaya faedahnya dapat dinikmati dengan adil dan saksama.

Puan Yang di-Pertua, sebagai sebuah negara yang kaya dengan sumber alam semula jadi dan buminya yang subur serta banyak khazanah—khazanah di dalamnya yang berlatarbelakangkan rakyat pelbagai kaum, bangsa dan keturunan dengan berlainan budaya dan nilai hidup, sebarang usaha di dalam kejuruteraan sosial tentu sekali menghadapibanyak cabaran.

Tuan Yang di-Pertua, Dasar Ekonomi Baru yang digubal selepas rusuhan kaum pada 13hb Mei 1969 menimbulkan kesedaran kepada pemimpin-pemimpin negara mengenai ketidakseimbangan antara satu golongan dengan golongan yang lain. Maka Dasar Pembangunan Nasional adalah mencerminkan azam Kerajaan untuk mewujudkan masyarakat bersatupadu bersama-sama menyumbang ke arah kestabilan dan kemakmuran negara. Strategi Dasar Pembangunan Nasional di dalam Rancangan Malaysia Keenam ini menggambarkan kesungguhan Kerajaan terhadap mereka yang miskin. Sokongan yang padu perlu diberikan oleh semua rakyat bagi memastikan segala strategi Dasar Pembangunan Negara menerusi Rancangan Malaysia Keenam ini sebagai salah satu daripada strategi rancangan ataupun Dasar Pembangunan Nasional, itu mewujudkan keadilan menerusi pengagihan kekayaan negara

bersama masyarakat luar bandar.

Ini menunjukkan Kerajaan peka terhadap pertumbuhan ekonomi yang tidak seimbang yang perlu diagihkan dengan saksama, terutama penduduk yang tinggal di kawasan-kawasan pendalaman. Mereka kebanyakannya bekerja sebagai pak tani atau peladang, mereka cuma menjadi pengeluar bahan-bahan mentah tanpa mempunyai kilang-kilang pemerosesan bagi hasil pengeluaran mereka. Dan di dalam Rancangan Malaysia Keenam ini Kerajaan akan memastikan pembangunan seimbang bagi sektor utama ekonomi seperti perkilangan, kewangan, pelaburan dinikmati bersama oleh petani yang hidupnya bergantung kepada sektor pertanian amatlah dialu-alukan. Oleh itu, Puan Yang di-Pertua, disyorkan supaya Kerajaan mempercepat dan memperbanyakkan lagi kilang-kilang untuk pemerosesan bahan - bahan pertanian kepada penduduk-penduduk di luar bandar.

Puan Yang di-Pertua, diharapkan juga kepada Kerajaan agar terus mengawal kadar inflasi di dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam ini, dan menarik lebih ramai pelabur asing di negara ini supaya peluang pekerjaan secara lebih meluas dapat disediakan. Rakyat negara ini perlu bekerja keras untuk menjayakan matlamat sasaran Rancangan Malaysia Keenam ini, terutamanya untuk mengarangkan kadar kemiskinan. Sebagaimana Firman Allah di dalam Al-Quranul Karim yang bermaksud: "Dan hendaklah kamu tuntutan ataupun cari di dalam kurniaan Allah yang Allah berikan kepadamu untuk kejayaan di akhirat, tetapi jangan kamu lupa bahagian kamu di dunia ini."

Puan Yang di-Pertua, saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya rakyat menukar sikap dan mengamalkan etika kerja adalah selaras dengan kehendak negara maju. Rancangan Malaysia Keenam ini adalah lanjutan daripada apa yang belum dicapai di dalam Dasar Ekonomi Baru.

Perakuan mengenai kurangnya penyertaan yang berkesan meletakkan pembangunan masyarakat, perdagangan dan perindustrian bumiputera, lebih penting daripada hakmilik modal saham.

Puan Yang di-Pertua, Dasar Pembangunan Negara meletakkan keutamaan kepada latihan keusahawanan, penswastaan, unit perniagaan, milik Kerajaan menjadi salah satu peluang untuk mencapai matlamat **ini**. Penekanan kepada kualiti pemilikan juga adalah suatu unsur penting Dasar Pembangunan Nasional.

Puan Yang di-Pertua, pembangunan sumber manusia juga tidak kurang pentingnya di dalam menjayakan strategi Dasar Pembangunan Nasional. Penguasaha bahasa antarabangsa dan pengetahuan teknologi moden adalah penting sementara tidak lupa kepada **nilai-nilai** hidup murni dan dihormati dengan keilmuan yang tinggi serta kefahaman dan amalan keagamaan yang diredai.

Puan Yang di-Pertua, di dalam permulaan membangunkan sumber manusia **ini**, satu perkara yang perlu saya utarakan di sini ialah berhubung dengan perkembangan kelas-kelas TADIKA, TABIKA, TASKI, PASTI dan sebagainya yang bercambah di seluruh pelusuk negara sekarang ini. Walaupun perkara ini kerap diutarakan di dalam Dewan yang mulia ini, kenapakah Kerajaan tidak mempercepatkan untuk meletakkan kelas-kelas tersebut di bawah satu Kementerian iaieu Kementerian Pendidikan misalnya ataupun Kementerian Pembangunan Luar Bandar memandangkan anak-anak ini amat perlu diberi perhatian yang

serius dan juga amat perlu diselaraskan kurikulum pelajarannya supaya anak-anak kita yang masih mentah ini tidak menjadi mangsa ataupun alat kepada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab dengan menghasut kanak-kanak supaya membenci pemerintah ataupun Kerajaan. Demikian juga tentang pembayaran persekolahan, yang mana kini kita dapati adalah tidak sama antara satu Taman Bimbingan ataupun TADIKA itu antara satu sama lain, ada yang kena bayar \$5 atau pun \$3 sahaja dan ada yang kena bayar sampai \$28 dan sebagainya. Jika disatukan di bawah satu Kementerian, dapatlah kita selaraskan bayarannya. Begitu juga kurikulumnya yang perlu diajar di TADIKA ataupun Kelas Bimbingan tersebut.

[Tuan Adam bin Kadir **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh berhubung dengan jawatan Pembantu Pemaju Masyarakat yang di bawah KEMAS sekarang **ini**. Satu ketika dahulu diwujudkan dan sekarang ini telah berkurangan dan mungkin akan dimansuhkan. Tidakkah Kerajaan **terfikir** kalau gurunya uzur ataupun bersalin, siapkah yang akan mengajar kelas tersebut kerana pembantunya tidak **ada**. Dan kalau ada pun Pembantu Pemaju Masyarakat yang diambilalih oleh sesuatu badan, seperti kalau di Terengganu, telah diambilalih oleh UPEN sekarang **ini**, mereka ini tidak begitu tahu cara hendak mengajar dan mengawal budak-budak kerana mereka tidak ada latihan, tidaklah seperti suatu ketika dahulu Pembantu Pemaju Masyarakat ini diberi kursus dan latihan dari masa ke semasa dan kalau gurunya uzur ataupun bersalin dan sebagainya, dapatlah ia menggantikannya. Dan perkara ini telah diperkatakan di seluruh negara sekarang **ini**. Maka dengan ini sava

mencadangkan supaya Kerajaan mengekal dan menambahkan Penolong Pembantu Pemaju Masyarakat di kelas-kelas TADIKA yang sedia wujud.

Tuan Yang di-Pertua, di sini juga saya ingin menyentuh berhubung dengan siaran TV yang banyak menjadi sungutan kepada rakyat yang mana banyak disiarkan iklan-iklan ketika Berita dibaca. Begitu juga pakaian yang menjolok mata, seolah—olah tidak cukup kain hendak dipakai. Dengan tidak segan dan silu, seseorang itu mempamerkan dirinya di kaca TV untuk tontonan orang ramai. Kalau dibenarkan tidak berpakaian langsung pun agaknya muda mudi kita hari ini akan lakukan. Benarlah sebagaimana sabda Nabi Muhammad s.a.w. yang bermaksud: Sekiranya kamu tidak merasa malu, buatlah apa yang kamu kehendaki.

Jadi, kalau begitu jadilah kita sebagaimana haiwan atau pun binatang yang tidak berakal, tidak ada perasaan, boleh membuat itu dan ini di mana-mana sahaja.

Oleh itu kepada Kementerian Penerangan, tidakkah boleh menasihatkan mereka yang berpakaian kurang sopan ini dan janganlah membenarkan mereka yang berpakaian kurang sopan ini mengambil bahagian untuk tontonan ramai. Begitu juga dengan penapisan filem yang hendak ditayang di kaca TV. Adakah Kerajaan sudah berpuas hati dengan penapisan filem-filem yang disiarkan sekarang? Bagi kita orang-orang dewasa ataupun ibu bapa berasa begitu malu kepada anak-anak, apabila sesuatu filem yang kurang manis terpampang di depan mata ketika menonton bersama—sama dengan anak-anak. Dan ini juga menjadi sungutan kepada orang ramai.

Walaupun kita juga pernah mendengar perkara ini telah

disuarakan beberapa kali kerana dengan sebab filem-filem yang tidak baik itu ditayangkan, boleh mengakibatkan kerosakan akhlak kepada muda-mudi kita dan keruntuhan moral kepada anak-anak kita dengan meniru gelagat yang tidak senonoh itu. Oleh itu dicadangkan kepada pihak yang berwajib supaya membuat tapisan yang teliti dan benar-benar, dan orang yang menjadi Ahli Lembaga Penapis Filem yang hendak menonton-tapis untuk dikeluarkan bagi tontonan ramai itu biarlah orang yang benar-benar sayangkan agama, bangsa dan negaranya supaya keruntuhan moral, kerosakan akhlak tidak akan berleluasa.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang terpampang di dalam Ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam Buku Rancangan Malaysia Yang Keenam ini ialah peruntukan Kerajaan Persekutuan untuk sektor pengangkutan dan perhubungan yang termasuk jalan raya, pelabuhan, lapangan terbang dan keretapi yang berjumlah \$10.8 juta. Di samping itu sejumlah \$14.8 ribu juta juga akan dibelanjakan oleh PABK seperti Syarikat Telekom Malaysia Berhad dan Lembaga-lembaga Pelabuhan melalui sumber-sumber mereka sendiri di mana secara keseluruhannya akan meningkat sebanyak 62% lebih tinggi daripada apa yang dibelanjakan sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Yang Kelima.

Maka dengan peningkatan peruntukan yang begitu tinggi, diharapkan kepada pihak Kerajaan supaya memperbaiki lagi jalan-jalan raya, begitu juga papan tanda tunjuk arah di lebuh raya-lebuh raya yang baru dibina, lebih-lebih lagi di tempat-tempat yang banyak simpang supaya orang ramai tidak akan tersalah jalan untuk pergi ke satu-satu tempat. Sebagai contohnya, tanda petunjuk arah yang diletakkan di Lebuh raya Grik/Air Keroh/Baling, Kedah tidak begitu

jelas diletakkan, pada halnya ada satu lebuhraya yang berhampiran dengan FELDA Nering yang lebih baik untuk dilalui tetapi oleh kerana signboard, dengan izin, ataupun papan tanda tunjuknya tidak begitu jelas, orang ramai yang hendak ke Air Keroh ataupun Baling, atau pun ke Kulim, Kedah akan tersasul dan terpaksa merempuh jalan lama yang begitu teruk dan menakutkan di waktu malam. Dan setengah-setengahnya pula kenderaan mengalami kerosakan yang teruk kerana terpaksa merempuh jalan yang berbatu-batu, berdebu-debu dan berbukit-bukau.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga berhubung dengan jalanraya yang sudah dikenalpasti yang sentiasa ditenggelami oleh banjir. Tidakkah boleh ditinggikan atau ditambah-tambunkan jalan tersebut supaya apabila berlakunya banjir, jalan-jalan tidak akan ditenggelami banjir lagi dan tidaklah akan terputus perhubungan jalanraya antara satu negeri dengan negeri yang lain.

Sebagai contohnya, Jalanraya dekat Air Hitam, Paka, Terengganu atau di kilometer 26, iaitu Jalan Sungai Tong ke Kelantan. Kerana kalau berlaku banjir, maka akan terputuslah perhubungan jalanraya antara Pantai Timur dengan Barat dan banyaklah perkara-perkara yang akan tergendala dengan sebab putusnya perhubungan Jalanraya tersebut. Maka dicadangkan supaya Kerajaan meninggikan lagi mana-mana jalanraya yang sudah dikenalpasti iaitu yang boleh ditenggelami oleh air banjir yang mengakibatkan terputusnya hubungan antara sebuah negeri dengan negeri yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Rancangan Malaysia Keenam ini, wanita merasa gembira kerana sebagai pihak yang terbabit secara Langsung di dalam penyediaan Rancangan Malaysia Yang Keenam ini, Kerajaan bersetuju mengadakan satu Bab berkenaan dengan wanita.

Ini ternyata sekali membuktikan bahawa wanita negara ini sudah dinaikkan ke taraf yang sama seperti wanita-wanita di negara maju, di mana pelaksanaan Dasar Wanita Negara di dalam Rancangan Malaysia Keenam ini akan mempertingkatkan lagi sumbangan wanita terhadap

pembangunan negara di masa yang akan datang dan memanglah ini bersesuaian dengan ajaran agama Islam sebagaimana firman Allah yang bermaksud: Bagi kaum lelaki ada bahagian mereka yang tertentu, maka begitu jugalah bagi kaum wanita ada bahagian mereka yang tertentu.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, golongan wanita di negara ini hendaklah mempunyai tanggungjawab bagi mengekalkan "keamanan serta untuk mencapaikan kejayaan. Wanita perlu memperluaskan tanggungjawab ini bukan sahaja setakat mendidik anak-anak menjadi orang yang berguna, malah bertanggungjawab membentuk sebuah masyarakat yang sempurna. Hasrat ini tidak, akan tercapai jika kita tidak berusaha dan masih mengenalkan sikap menyalahkan orang, lain apabila, menghadapi sesuatu masalah. Kita perlu bekerjasama di semua pihak, sama ada swasta, peniaga, pengusaha, pekerja, orang ramai, petani dan lain-lain kerana kitalah yang menentukan jaya atau gagalnya wawasan ini. Untuk mengharapkan seseorang atau Kerajaan sahaja memikul tanggungjawab ini tentulah amat berat. Dan landasan untuk menjayakannya sudahpun dibentuk melalui keupayaan Kerajaan mentadbirkan negara dengan menjalinkan perpaduan kaum dan meningkatkan pembangunan di dalam masa yang singkat sejak mencapai kemerdekaan 34 tahun yang lalu, di mana keupayaan ini malah lebih baik dan berkesan daripada penjajahan Barat yang memerintah negara ini selama beratus—ratus tahun.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu, saya menyokong Rancangan Malaysia Keenam ini diluluskan.

Tuan Adam bin Kadir: Yang Berhormat Senator Isli.

5.43 ptg.

Tuan Isli bin Haji Siput: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya meneruskan, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah memberi peluang kepada saya turut membahas dan menyokong usul mengenai Rancangan Malaysia Keenam.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Keenam adalah fasa pertama pelaksanaan Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua. Teras utama RM6 ialah untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi di tahap yang tinggi, pengurusannya dengan berkesan bagi mencapai pembangunan ekonomi yang lebih seimbang dan membasmi kemiskinan.

Saya amat mengalu-alukan Dasar Pembangunan Negara (DPN) dan memuji akan matlamat DPN iaitu untuk mencapai pembangunan seimbang bagi mewujudkan masyarakat yang bersatupadu dan adil. Sudah sampai masanya satu dasar dirancang untuk mengambil atau mengira kepentingan dan menekankan kepada pertumbuhan dan pengagihan yang saksama yang membolehkan semua rakyat Malaysia menyertai bidang-bidang utama, aktiviti ekonomi yang boleh menghasilkan kestabilan politik dan perpaduan negara. Jika dilihat dan dikaji walaupun RM5 telah tamat tempoh dengan jayanya, ketidakseimbangan pertumbuhan dan pembangunan ekonomi dan sosial masih lagi ketara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal RM5 itu, perlulah kita memperbaiki kerana keseimbangan pengagihan ekonomi masih lagi terdapat perbezaan di antara bumiputera dan bukan bumiputera.

Tuan Yang di—Pertua, dengan dasar Kerajaan untuk mewujudkan keseimbangan yang optimum bagi memberi dan membuka peluang-peluang

kepada rakyat Malaysia bagi semua lapisan dan bangsa seperti menggalakkan usahasama di antara bumiputera dan bangsa lain, DPN patut dijadikan contoh pembangunan negara di masa-masa yang akan datang di mana rakyat Malaysia akan hidup seperti satu keluarga di bawah satu bumbung dan bukan secara berasingan.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun kesempurnaan sesebuah dasar pembangunan **itu**, kita mestilah mengambilkira akan cara dasar itu dilaksanakan. Cara pelaksanaan adalah penting kerana jika terdapat penyelewengan dan kelembapan terhadap pelaksanaan dasar, maka ianya boleh memberi kesan yang tidak baik kepada hasrat Kerajaan di dalam usahanya untuk menolong rakyat dan ianya boleh menimbulkan satu suasana yang tidak sihat dan tidak stabil dan boleh menimbulkan ketegangan sosial.

Harapan Kerajaan kepada sektor swasta untuk lebih bersedia dan meningkatkan daya usaha dengan lebih lagi untuk mencapai objektif sosio-ekonomi negara adalah satu langkah yang bijak diambil oleh Kerajaan. Ianya boleh membuatkan sektor swasta lebih mencapai kepada matlamat Kerajaan di dalam dasar pembangunan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh akan rancangan-rancangan dan hasrat-hasrat Kerajaan di dalam memajukan negara melalui RM6. Tumpuan yang diberikan oleh Kerajaan terhadap strategi ekonomi makro untuk membolehkan negara menghadapi cabaran yang mendatang di samping memperkukuhkan keupayaan pengeluaran dan daya saing negara di pasaran antarabangsa adalah kena pada masanya bagi Rancangan Malaysia Keenam kerana strategi ini membolehkan peningkatan mutu pengeluaran negara yang boleh dihormati oleh

negara-negara asing. Dalam mencapai strategi ekonomi makro, peluang yang lebih luas hendaklah dibuka kepada sektor swasta dan mendapatkan sokongan daripada kerajaan dan sokongan ini adalah dengan menggalakkan pelaburan swasta asing di dalam negara kita dan dasar fiskal dan kewangan Kerajaan yang akan ditumpukan ke arah mengekalkan kestabilan harga, kadar pertukaran asing yang boleh menggalakkan eksport serta kedudukan imbalan yang meluas adalah amat cepat dilaksanakan di dalam Rancangan Malaysia Keenam.

Rancangan Kerajaan untuk mengurangkan perbelanjaan yang tidak produktif dan menyegerakan pelaksanaan program-program penswastaan untuk memperbaiki kedudukan kewangan sektor awam adalah juga satu rancangan yang baik, tetapi Kerajaan hendaklah mengkaji secara terperinci dan liberal akan apa jua perbelanjaan yang dikatakan tidak produktif agar ianya tidak membantutkan apa jua rancangan yang viable yang boleh dijalankan oleh pembangunan negara secara am.

Tuan Yang di-Pertua, dasar liberalisasi dan perlonggaran peraturan serta undang-undang untuk memperbaiki iklim pelaburan adalah juga baik untuk meningkatkan, kemajuan dan pembangunan negara. Tetapi dasar ini hendaklah diambil kira keseimbangan pembangunan di seluruh negara, kerana jika dasar ini hanya ditumpukan kepada satu daerah sahaja, maka matlamat dasar pembangunan nasional tidak akan tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha untuk terus memesatkan proses pembangunan perindustrian adalah juga dialu-alukan di dalam Rancangan Malaysia Keenam, kerana negara kita pada masa sekarang ini telah mengambil langkah menukar haluan daripada sektor pertanian kepada sektor perindustrian. Ini bukan bermakna sektor pertanian dilembabkan, tetapi sektor pertanian juga perlu dipertingkatkan daripada masa ke semasa dan untuk mencapai proses pembangunan perindustrian yang pesat langkah untuk menggalakkan peningkatan teknologi berbagai bagi asas industri, menggalakkan penyusunan semula struktur dan permodenan. Industri kecil dan sederhana hendaklah diberikan perhatian yang lebih serius oleh Kerajaan dan peruntukan yang lebih banyak terhadap sumber untuk menuju kepada sains dan teknologi dan penyelidikan pembangunan dan juga pembangunan sumber manusia adalah amat baik dan dialu-alukan pada ketika ini.

Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha yang lebih giat untuk memperkukuhkan perkembangan pasaran kewangan dan modal supaya tabung dalam negara dapat dipertingkatkan secara cekap dalam sektor-sektor ekonomi dan produktif adalah juga satu langkah yang bijak yang

diambil oleh Kerajaan di dalam membentuk strategi pembangunan Rancangan Malaysia Keenam. Dalam satu pembaharuan yang akan diperkenalkan oleh Kerajaan iaitu usaha untuk membolehkan syarikat dan institusi perniagaan mendapat sumber kewangan jangka panjang daripada institusi—institusi sosial yang telah dikumpul, tabungan yang tinggi adalah satu langkah yang boleh mempercepatkan proses pembangunan ekonomi nasional.

Tuan Yang di-Pertua, tumpuan strategi sektor kepada satu usaha yang berbagai bagi asas ekonomi dan mengekalkan kegiatan yang mempunyai nilai dan tahap yang tinggi disamping mencari punca—punca pertumbuhan baru adalah kena pada waktunya, pada masa sekarang ini kerana kita percaya ekonomi negara kita boleh berkembang dengan lebih maju, dengan asas ekonomi yang lain yang pada masa sekarang ini tidak terdapat di negara kita iaitu dengan mengimport teknologi-teknologi dari negara asing yang lebih maju daripada negara kita. Penarikan pelabur asing ke negara kita tanpa memberikan syarat yang ketat kepada pelabur-pelabur asing tersebut untuk memindahkan teknologi tinggi yang canggih kepada rakyat dan negara tidak akan membuat kita mencapai matlamat Dasar Ekonomi Negara.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan sektor pertanian walaupun terbatas, tetapi dengan adanya masalah kekurangan tanah yang sesuai untuk pertanian, kekurangan tenaga buruh dan mempertingkatkan kos pengeluaran boleh diatasi sekiranya tumpuan diberikan kepada mutu pendidikan dan latihan yang lebih tinggi yang boleh mengatasi masalah yang dihadapi di sektor pertanian ini. Jadinya, tanah-tanah

yang tidak sesuai untuk pertanian boleh dibuat dan dikaji untuk menyesuaikan kepada pertanian yang boleh dilakukan ke atas tanah tersebut dan seterusnya kekurangan tenaga buruh boleh diatasi jika Kerajaan menumpukan kepada penggalakan penggunaan jentera—jentera yang tidak tidak memakai lebih banyak buruh dan kos pengeluarannya boleh dikurangkan jika Kerajaan menggalakkan dan memberikan insentif dari segi pencukaian.

Tuan Yang di-Pertua, di sektor pembuatan, usaha menggalakkan pertumbuhannya dengan cara memperluaskan dan memperbagaikan asasnya dan juga dengan mewujudkan rantaian yang lebih kukuh di sektor kecil tradisional adalah sudah sampai masanya, kerana sektor kecil tradisional ini sudah lama menyokong industri pembuatan negara. Galakan oleh Kerajaan adalah dtumpukan lagi untuk meningkatkan sektor kecil tradisional ini kepada tahap industri yang berasaskan eksport.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh kepada strategi pembangunan Wilayah. Saya amat bersetuju dengan rancangan yang mana satu dimensi penting pembangunan seimbang ialah mengurangkan ketidak-keseimbangan pembangunan sosial dan ekonomi yang wujud di antara Wilayah dan Negeri-negeri di Malaysia ini, disamping meningkatkan taraf dan kualiti hidup penduduk di negeri-negeri yang kurang maju supaya lebih setanding dengan negara-negara yang maju. Saya amat mengalu-alukan usaha Kerajaan untuk menumpukan kepada berbagai-bagai asas ekonomi kepada negeri yang kurang maju dan memperluaskan infrastruktur fizikal, ekonomi dan sosial untuk meningkatkan tahap pembangunan dan daya tarikan negeri-negeri ini

kepada pelabur swasta. Contohnya, Pulau Labuan, di mana walaupun Pulau tersebut telah diiktirafkan sebagai Pusat Kewangan Pesisir Antarabangsa, tetapi ianya tidak mencukupi kerana taraf ini tidak begitu berkesan untuk menggalakkan pembangunan ekonomi dan sosial Pulau tersebut. Saya berpendapat pembangunan industri dan pelancongan perlu diadakan dan diberikan tumpuan yang lebih berkesan dan lebih serius supaya pembangunan ekonomi dan sosial Pulau tersebut dapat di pertingkat dengan secepatnya.

Saya mengalu-alukan langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk memastikan kejayaan pembangunan Pulau Labuan sebagai IOFC dan kemudahan-kemudahan infrastruktur asas di pulau tersebut iaitu Wilayah Persekutuan Labuan yang hendak dimajukan dan diperbaiki lagi oleh Kerajaan hendaklah dipercepatkan dan dipesatkan agar status pulau tersebut sebagai IOFC disanjung dan dihormati oleh negara-negara asing dan juga pelabur-pelabur asing. Di samping Labuan menjadi pulau IOFC, tumpuan Kerajaan hendaklah diberikan kepada industri pelancongan dan industri perkilangan serta mempertingkatkan pulau tersebut sebagai pusat komersial antarabangsa untuk menarik lebih ramai pelabur-pelabur asing agar dapat mempertingkatkan pembangunan ekonomi dan sosial pulau tersebut dan, seterusnya agar hasrat Kerajaan supaya Pulau tersebut menjadi IOFC yang berjaya tercapai dan seterusnya memenuhi matlamat Dasar Pembangunan Nasional, dari segi keseimbangan pembangunan ekonomi dan sosial negara.

Tuan Yang di-Pertua, galakkan oleh Kerajaan terhadap kerjasama swasta dan Kerajaan Negeri adalah dialu-alukan di mana pencapaian rancangan pembangunan seimbang dan pembangunan kawasan-kawasan perindustrian oleh sektor swasta haruslah dipertingkatkan lagi agar dapat sektor swasta memberi sumbangan yang lebih besar kepada pembangunan ekonomi negara.

Hasrat Kerajaan untuk mewujudkan rantaian pembangunan antara bandar dan luar bandar adalah satu langkah yang bijak, kerana ia boleh menggalakkan lagi pembangunan seimbang, sosial dan ekonomi dan penggubalan dasar perbandaran negara di bawah RME adalah satu rancangan yang baik di dalam menentukan pembangunan bandar.

Suka saya cadangkan di sini untuk mewujudkan rantaian pembangunan antara bandar dan luar bandar dan pembangunan seimbang Kerajaan haruslah menumpukan pembangunan bandar-bandar kecil untuk dijadikan setanding dengan bandaraya-bandaraya yang wujud sekarang dan membuat bandar-bandar kecil tersebut menjadi sebuah bandar ataupun bandaraya pengkhususan kepada satu bidang contohnya bandar ataupun bandaraya pentadbiran.

Bandar atau bandaraya perdagangan dan bandar ataupun bandaraya perindustrian seperti yang terdapat di negara-negara Erppah, Amerika Utara dan di Amerika Selatan untuk menarik pelabur-pelabur asing ke Pulau Labuan agensi-agensi Kerajaan patut memberikan kerjasama sepenuhnya supaya pelabur-pelabur asing tidak keberatan untuk melabur ke pulau tersebut, terutama sekali MIDA, Kastam, Imigresen dan agensi-agensi lain terutama sekali Imigresen patutlah memberikan kelonggaran-kelonggaran terhadap kemasukan pelabur-pelabur asing. Memberi sokongan dan menggalakkan sepenuhnya supaya pelabur-pelabur asing menaruh minat melabur di pulau tersebut.

Buat permulaan, Kerajaan perlu menggalakkan agensi-agensi amanah, mengadakan usahasama dengan pelabur asing supaya menjadi daya penarik pada pelabur-pelabur di dalam negeri dan juga pelabur-pelabur asing mengadakan usahasama selanjutnya.

Tuan Yang di-Pertua, lebih-lebih lagi Pulau Labuan bertaraf pelabuhan bebas cukai, iaitu free port, dengan izin, yang mana

pengimportan perdagangannya sekiranya kita dapat memberikan perhatian sepenuhnya pelabur-pelabur asing dapat pulangan yang baik daripada segi pelaburan-pelaburan mereka kelak, saya berpendapat mereka akan berminat melabur di pulau tersebut.

Kita faham kalau perkilangan yang akan dilaksanakan hanya bertumpu kepada barang-barang berasaskan getah, kayu, minyak kelapa sawit ataupun hasil lombong sahaja, kita terpaksa mengimport daripada Semenanjung ataupun dari Sabah dan Sarawak. Saya berharap kita perlu memikirkan Pulau Labuan sebagai industri pembuatan berasaskan bahan-bahan yang diimport daripada negara luar supaya ia dapat diproses di pulau tersebut dan dapat dieksport kembali ke negara—negara asing dan juga dijual di dalam negeri.

Untuk mencapai cita-cita tersebut, Kerajaan perlu memikirkan sistem pengangkutan yang lebih baik daripada segi perkhidmatan, pelaburan dan juga jalan raya dipertingkatkan daripada masa ke semasa.

Tuan Yang di-pertua, seperti yang ada sekarang Pulau Labuan yang masih ketinggalan daripada segi infrastruktur dan perkhidmatan perlu diperbaiki lagi supaya pelabur-pelabur akan berminat melabur di pulau tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sedia makluman, Pulau Labuan masih di dalam perkhidmatan tradisi sahaja yakni secara conventional sahaja. Sekiranya kita hendak menggalakkan pelabur-pelabur asing dan untuk mempercepatkan lagi pembangunan, kita perlu memikirkan dan meningkatkan pelaburan yang memberi perkhidmatan kontena supaya kehendak-kehendak pelabur dapat ditunaikan.

Sistem udara juga perlu dipertingkatkan supaya pelabur-pelabur ini dapat mengkaji dan menyelidik sistem pelaburan. Sistem udara dan sastera pengangkutan darat supaya dapat satu pandangan bahawa Pulau Labuan adalah layak bagi mereka membuat pelaburan selanjutnya.

Tuan Yang di—Pertua, selanjutnya perkara-perkara tersebut dapat diadakan secara tidak langsung dan kita perlu mengadakan pusat-pusat pelancongan, yang sederhana dan yang canggih dan yang bertaraf antarabangsa supaya pulau tersebut dapat dijadikan satu pusat pelancongan di negara ini. Ini bermakna sistem udara dan peningkatan dapat menyumbangkan perkhidmatan yang baik secara tidak langsung dan Kerajaan dapat pulangan hasil pelaburan asing dan pelancongan dari dalam negeri dan luar negeri. Kerajaan perlu membuat kajiselidik Pelan Induk Pulau Labuan supaya hasrat Kerajaan dapat dicapai menjelang Wawasan 2020.

Tuan Yang di—Pertua, saya-suka juga menyentuh fungsi-fungsi yang dimainkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa yang mana saya berpendapat fungsi— fungsi yang dimainkan oleh peranan yang dimainkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna hanya menumpukan pada hal ehwal pengguna sahaja. Ini bermakna Kementerian Perdagangan Dalam Negeri perlu diberikan lebih luas bidang kuasa Kementerian tersebut dan setimpal supaya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dapat berfungsi dengan sebaik-baiknya dan mempunyai bidang kuasa yang lebih luas daripada yang ada sekarang.

Saya mencadangkan agar Kementerian Perdagangan Dalam Negeri patutlah diberikan satu kuasa yang dapat membantu terutama sekali di dalam perdagangan dan perindustrian di dalam negeri. Misalnya, kalau satu ketika dahulu bahawa sebarang pengimportan sama ada daripada dalam negeri mahupun daripada luar negeri adalah bidang kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri tetapi sekarang ternyata sekali bahawa bidang kuasa itu adalah terletak di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa. Jadi, ini bermakna boleh jadi

bidangkuasa yang ada itu patut disalurkan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri. Terdapat ramai di antara pengusaha-pengusaha bumiputera pada ketika ini kebanyakannya telahpun menghadapi masalah-masalah yang dihadapi dan saya yakin dan percaya bahawa Kerajaan telah memahami masalah yang dihadapi oleh peniaga-peniaga bumiputera terutama sekali dalam bidang industri iaitu bidang perindustrian kereta yang mana terdapat antara pengusaha-pengusaha, pengimport-pengimport telahpun ditarik balik kuota-kuota yang telah diberikan kepada bumiputera.

Apakah kiranya dalam Rancangan Malaysia Keenam ini kita ingin melihat bahawa bumiputera-bumiputera terutama sekali orang-orang Melayu bukan mudik ke hulu, tetapi kita hendaklah turut serta dalam arus pembangunan negara. Jadi, saya memohon jasa baik Kerajaan supaya dapat memulihkan dan memberikan peluang kepada mereka yang telahpun menjalankan usaha-usaha ini agar dapat diberikan semula supaya mereka dapat bersama-sama di dalam arus pembangunan dan mencapai cita-cita. Kerajaan untuk melaksanakan dasar Rancangan Malaysia Keenam.

Tuan Yang di-Pertua, saya bukan hanya menyentuh dalam soal ini sahaja tetapi juga hendak menyentuh berkenaan dengan Kementerian-Kementerian tersebut iaitu apa yang dilihat tugas kedua-dua Kementerian ini adalah dikuasai oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa. Ini bermakna Kementerian Perdagangan Dalam Negeri terpaksa merujuk perkara-perkara yang berbangkit mengenai Perdagangan Dalam Negeri kepada Kementerian Perdagangan Antarabangsa.

Kesimpulannya, kita perlu memikirkan sebaik-baik mungkin supaya kedua-dua Kementerian ini dapat berfungsi untuk negara dan rakyat keseluruhannya.

Maka sekali lagi saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih. Dengan **ini**, saya menyokong dasar dan usul Rancangan Malaysia Keenam. Sekian, terima kasih.

Tuan Adam bin Kadir: Yang Berhormat Tuan Itam Wali.

6.10ptg.

Tuan Itam Wali bin Nawan: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di **sini** adalah untuk turut serta dalam perbincangan usul Rancangan Malaysia Keenam bermula tahun 1991 hingga 1995. Sebelum itu, saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan kepada saya untuk bercakap.

Pada pendapat saya, unjuran-unjuran yang terdapat dalam Wawasan 2020 amat disanjung tinggi oleh semua lapisan dan golongan rakyat Malaysia. Walaupun ada di antaranya yang tidak boleh merancang, tidak dapat faham, tetapi yakin rancangan-rancangan Malaysia yang disusulgarulkan begitu terperinci adalah bagi tujuan membela untung nasib dan kesejahteraan rakyat Malaysia. Saya tidak was-was lagi rakyat Malaysia termasuk kumpulan minoriti Orang Asli akan menerima banyak manfaat, lantas kedudukan sosioekonominya dapat ditingkatkan, lantas juga mudah diintegrasikan ke dalam arus pembangunan negara dan masyarakat Malaysia yang lain.

Bilangan penduduk Orang Asli secara relatif adalah kecil, tetapi taburannya yang berselerak serta terpencil di kawasan-kawasan pedalaman menjadikan program pembangunan sukar diterapkan. Ini

adalah di antara faktor kumpulan ini lambat membangun, lantas ketinggalan di belakang walaupun beberapa fasa rancangan Malaysia, mulai Rancangan Malaysia Pertama hingga Rancangan Malaysia Kelima dijalankan.

Kini beberapa fasa lagi rancangan Malaysia bermula dengan Rancangan Malaysia Keenam, ringkasnya RM6 pada 1991 hingga 1995 dan seterusnya seperti dalam unjuran-unjuran Wawasan 2020, kita mempunyai jangka masa yang panjang, pengalaman mulai Rancangan Malaysia Pertama hingga Rancangan Malaysia Kelima juga cukup beserta sula kemampuan kewangan yang cukup,, pada hemat saya matlamat dan merancang Kerajaan terhadap kedinamikan masyarakat Malaysia dapat dicapai.

Dalam Dewan yang mulia ini sekali lagi saya mengambil peluang mengutarakan pandangan terhadap pembangunan Orang Asli lantas berharap dapat membantu pihak perancang program pembangunan terhadap Orang Asli yang memang sedia arif supaya program-program pembangunan dalam Rancangan Malaysia Keenam ini lebih ideal, pragmatis pendekatannya.

Mengenai dengan pembangunan. Pembangunan adalah satu perkara yang tiada had batasanhya. Manusia jarang-jarang berpuas hati dengan tahap pembangunan yang ada, lebih-lebih lagi kepada mereka yang tahap pembangunannya memang rendah dan kurang membangun seperti Orang Asli. Oleh yang demikian, jenis pembangunan bakal dilaksanakan untuk masyarakat ini bukan satu, dua atau tiga jenis, tetapi variasi sesuai disebut dengan pembangunan sosio-ekonomi. Pembangunan sosio adalah proses mengedukatekan, memberi pendidikan mental supaya berupaya menilai dan menerima kebaikan-kebaikan pembangunan yang diacukan kepada mereka, manakala pembangunan

ekonomi adalah program-program yang dirancang bagi maksud meningkatkan pendapatan masyarakat yang didasarkan dengan program-program pembangunan. Pada hemat saya kedua-dua jenis pembangunan ini di dalamnya mengandungi elemen-elemen penting pembangunan adalah saling berkaitan dan amat mustahak bagi menjamin kejayaan pembangunan masyarakat. Oleh yang demikian, kedua-dua jenis pembangunan ini harus digerak serentak supaya penghasilannya tidak pincang.

Mengenai pembangunan pendidikan, terlebih dahulu saya sampaikan penghargaan yang tidak terhingga kepada pihak Kerajaan kerana melalui Jabatan Orang Asli telah berjaya menarik minat dan mengubah sikap ibubapa Orang Asli untuk minat dan memustahakkan pembangunan pendidikan. Jika pada satu masa dahulu Orang Asli berpegang kuat kepada amalan tradisional dan sentiasa bergantung kepada nasib kononnya tuhan adalah menentukan nasib seseorang, kini keadaan berlainan. Kini telah berubah kepada bahawa untung nasib dan kesejahteraan seseorang itu ditentukan oleh usaha, lantaran itu mereka sentiasa mencari jalan dan peluang supaya anak-anak mereka menerima pendidikan formal dan berjaya dalam bidang itu dan berjasa kepada negara. Hasil daripada bimbingan yang diberi itu sehingga 1989, terdapat 13,335 anak-anak Orang Asli belajar dalam berbagai jenis persekolahan. Hasilnya lahirlah 66 orang graduan, daripada jumlah itu 51 orang pemegang Diploma dalam berbagai bidang dan 15 orang lagi ialah pemegang Ijazah. Sebahagian daripada kakitangan dalam Jabatan Orang Asli adalah lepasan sekolah tahun-tahun 60an. Keadaan ini adalah satu proses transformasi budaya berfikir dan budaya Kerja di kalangan masyarakat Orang Asli. Saya amat yakin jika galakan dan peluang diberi berterusan kita akan dapat lihat

ramai lagi Orang Asli berhijrah budaya berfikir dan bekerja daripada tradisional kepada moden. Peluang-peluang ini amat diharapkan direncanakan dalam Rancangan Malaysia Keenam.

Ke arah pencapaian pendidikan Orang Asli yang lebih positif, saya ingin mencadangkan perkara-perkara seperti berikut.

Pertama, mengenai dengan had umur. Umur harus ditimbangkan kelonggaran syarat untuk kemasukan ke tahun satu persekolahan daripada 7 tahun dalam keadaan biasa kepada tiada had tertentu, boleh jadi 8 tahun, boleh jadi 9 tahun, 10 tahun dan sebagainya supaya mereka yang ketinggalan mendaftar masuk sekolah pada umur biasa berpeluang juga belajar di sekolah—sekolah formal, seterusnya hingga ke peringkat menengah rendah, peringkat menengah atas dan ke peringkat institusi pengajian tinggi. Dengan kata-kata lain, umur diharap tidak menjadi faktor penghalang pendidikan formal bagi kanak-kanak Orang Asli pada peringkat ini sehingga keadaan mengizinkan.

Kedua, ialah kemasukan ke peringkat institusi pengajian tinggi. Orang Asli juga telah terlibat dalam pengajian peringkat institusi pengajian tinggi. Pihak Kerajaan telah memberi segala pertimbangan wajar terhadap pelajar-pelajar Orang Asli. Baru-baru ini tersiar dalam akhbar tempatan mengenai dengan beberapa Orang Asli melanjutkan pelajaran ke peringkat itu. Saya mengucapkan syabas dan setinggi-tinggi penghargaan atas usaha dan budibicara itu. Namun, saya sentiasa mengharapkan peluang-peluang seperti ini menjadi berterusan, malahan pengambilannya dijadikan sebagai satu proses khaa bagi membolehkan lebih ramai lagi melanjutkan pelajar ke institusi pengajian tinggi.

Ketiga, untuk menjamin kanak-kanak ini belajar tanpa constraint kewangan, biasiswa dan lain-lain bentuk bantuan hendaklah dipertimbangkan. Kita sedia maklum keluarga asal mereka tiada berkemampuan kewangan bagi menampung pembelajaran anak-anak mereka, kecuali bantuan-bantuan serupa ini dapat dipertimbangkan.

Seterusnya di peringkat pra-sekolah. Pendidikan pra-sekolah adalah satu proses mengaklamatisasikan generasi muda Orang Asli kepada alam pendidikan. Dengan penyelesaian ini, alam persekolahan seterusnya akan berjalan lancar. Oleh yang demikian, saya menyeru supaya kelas-kelas Tadika diperbanyakkan di kawasan-kawasan Orang Asli.

Mengenai dengan pembangunan ekonomi. Pembangunan ekonomi secara tidak ilmiah boleh diertikan pembangunan-pembangunan berunsur meningkat taraf pendapatan isirumah daripada paras rendah dan kurang mampu untuk memperolehi keperluan harian kepada suatu tahap hingga kepada boleh membiayai pendidikan kanak-kanak melalui program—program pembangunan yang disusulgarulkan secara terperinci. Kita sendiri telah mengenalpasti kategori-kategori pendapatan rakyat Malaysia, iaitu pertama, yang \$175 sebulan itu kita kategorikan sebagai pendapatan rakyat termiskin; \$350 lebih, sebagai rakyat miskin sahaja dan lebih daripada itu rakyat bukan miskin. Berpandukan kepada klasifikasi ini saya berpendapat majoriti Orang Asli tergulung ke dalam rakyat termiskin, iaitu dilihat dari segi relatif dan mutlak. Seperti terdapat dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2), pelaksanaan program dibuat berperingkat-peringkat bermula dengan Rancangan Malaysia Keenam dan program-programnya disasarkan kepada kumpulan rakyat termiskin. Oleh yang demikian, saya mengalu-alukan susunan itu kerana program itu akan dimanfaatkan oleh Orang Asli juga.

Mengenai dengan, pertanian, di antara program pembangunan ekonomi dilihat wajar diberi penekanan utama berkaitan Orang Asli adalah pembangunan ekonomi berbentuk pertanian. Orang Asli terangkum ke dalam kumpulan masyarakat tani berpandu kepada budaya, ragam pengeluaran dan sumber yang terdapat pada persekitaran mereka. Ahli Kajiselidik telah mendefinisikan bahawa mereka, yang bergantung hidup kepada tumbuh-tumbuhan, tanah, sungai, laut, hutan adalah masyarakat tani. Asas ini amat kukuh bagi menkategorikan Orang Asli. Oleh yang demikian, adalah difikirkan amat wajar aktiviti pertanian di kalangan masyarakat ini diintensifkan dengan menggunakan pendekatan baru berbentuk penggunaan benih yang produktif, alat-alat pertanian moden dan canggih dan bantuan khidmat pakar. Keluaran pertanian hendaklah dimaksudkan bagi tujuan dua hala iaitu satu keperluan sara diri dan yang kedua ialah bagi keperluan komersial. Oleh itu utilisasi kawasan serta benih dan jenis tanaman adalah amat penting. Walau bagaimanapun, perkara pokok iaitu tanah perlu dibereskan terlebih dahulu supaya tidak mendatangkan masalah di peringkat pelaksanaan.

Berkaitan perkara ini, kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi perlu menitikberatkan perkara permohonan tanah oleh Orang Asli supaya tidak mengambil masa sehingga 38 tahun dan Kementerian Pertanian Malaysia diminta menumpu perhatian terhadap pertanian Orang Asli dalam Rancangan Malaysia Keenam.

Mengenai dengan industri kraf tangan, satu lagi sumber meningkat ekonomi masyarakat luar bandar dan Orang Asli adalah

melalui kegiatan kraftangan. Pihak Kerajaan telah bersungguh-sungguh meningkatkan produktiviti kraftangan ini sehingga bahan rotan tidak digalakkan dieksport kerana tujuan ini. Orang Asli terkenal dengan kepakaran mencari rotan semenjak bahan ini berpotensi pasaran bermula dari zaman kesultanan Melaka dahulu. orang Asli juga mempunyai kraftangan yang unik dan tersendiri tetapi tidak banyak diketahui umum. Sebagai contoh, Orang Asli adalah pencipta dan pengguna sumpitan yang unggul kerana sumpitan adalah sebahagian daripada alat mencari makan. Kita hanya tahu sumpitan tetapi kita tidak tahu jenis-jenis sumpitan, lebih-lebih lagi cara mengadunnya dan racunnya.

Untuk pengetahuan kita semua, sumpitan yang tertua adalah sumpitan yang diperbuat daripada kayu Sumpitan buluh adalah generasi kedua iaitu waktu zaman, besi dan dengan besi ia boleh ditajamkan berbentuk parang dan pisau maka buluh boleh ditebang dan diraut. Sumpitan kayu ini kini amat terhad dan akan pupus teknologi dan sumpitannya sendiri jika tidak dipelihara. Industri kraftangan adalah perlu dipergiatkan dan diperbanyakkan di kawasan-kawasan Orang Asli bagi tujuan:

- (1) memelihara khazanah kesenian Orang Asli supaya tidak pupus;
- (2) dipamerkan bagi tujuan tarikan pelancong dan pendapatan ekonomi Malaysia; dan
- (3) sebagai sumber pendapatan untuk masyarakat itu bagi menolong meningkatkan ekonomi mereka.

Oleh yang demikian, inisiatif memperbanyakkan industri kraftangan di kawasan Orang Asli dalam Rancangan Malaysia Keenam ini adalah dialu-alukan.

Seterusnya mengenai konsesi hasil hutan. Sebagaimana pernah diutarakan sebelum ini, di antara 123,00 hektar kawasan yang didiami oleh Orang Asli hanya 20,000 hektar sahaja diberi status rizab ataupun, dengan izin, gazetted area kepada Orang Asli. Sebagai kawasan kurang membangun, terdapat isi hutan berpotensi aktiviti komersial. Di antaranya kayu balak, rotan, buluh dan lain-lain berpotensi pasaran. Perusahaan terhadap bahan-bahan ini terutama kayu balak, nyata sekali menguntungkan akibat daripada potensinya, ramai pengusaha balak mencuri kayu balak seperti kita dapat tahu di negeri Selangor, Kelantan dan di beberapa kawasan lain. Untuk melorong jalan keusahawanan kepada Orang-orang Asli, sesuai dengan hasrat kita mempertingkatkan peluang usahawan bumiputera kawasan—kawasan pendalaman seperti Orang Asli yang masih lagi kawasan yang mempunyai kayu, rotan dan buluh konsesi dan perमितnya memohon diutamakan kepada penduduk-penduduk tempatan supaya hasilnya dapat disumbang kepada pembangunan ekonomi penduduk setempat.

Alternatif kepada cadangan ini ialah jika Orang Asli ini tidak berkemampuan menggerakkan aktiviti itu, mereka yang diberi konsessi selain daripada Orang Asli perlu disyaratkan menyumbangkan sebahagian daripada hasil bagi tujuan pembangunan kawasan itu. Dicadangan sedemikian rupa kerana sebelum ini pernah konsessi membalak dalam kawasan Orang Asli diperolehi oleh bukan Asli dan hasilnya tidak dilaburkan kembali bagi tujuan pembangunan walau se sen pun. Saya berpendapat sumbangan pembangunan tidak semestinya menjadi tanggung jawab pihak Kerajaan sahaja tetapi pihak swasta juga sama-sama main peranan demi mencapai matlamat Wawasan 2020.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak bercakap mengenai dengan peluang. Berkaitan peluang pembangunan Orang Asli bersama-sama ini sukacita saya mengenengahkan beberapa perkara lagi. Bagi tujuan mempercepatkan tingkat pencapaian Orang Asli, selain daripada strategi, daya bersaing peluang-peluang yang istimewa juga perlu diambil kira. Peluang-peluang yang saya maksudkan adalah, satu, peluang pekerjaan. Ramai daripada belia dan beliawanis Orang Asli lepasan sekolah tahun-tahun 60an, 70an, 80an masih tidak mempunyai pekerjaan. Survey yang dijalankan menunjukkan ramai memohon pekerjaan dalam sektor awam dan swasta tetapi masih belum berpeluang diterima bekerja. Adalah menjadi satu harapan melalui peluang-peluang pekerja mereka akan:

- (1) daya, interaksi dengan masyarakat lain akan lebih luas dan mesra;
- (2) menimba pengalaman bekerja;
- (3) menjadi perangsang kepada komuniti mereka yang masih di pendalaman;
- (4) menuju ke arah integrasi masyarakat plural di Malaysia; dan
- (5) meningkat pendapatan ekonomi masyarakat itu.

Seterusnya mengenai pasaran saham ataupun share market. Pasaran saham telah lama wujud di dalam dan luar negeri. Seperti dilaporkan skim ini amat berpotensi. Orang Asli sehingga kini belum terlibat dalam skim ini. Bermula dari Rancangan Malaysia Keenam, Orang Asli perlu dilibatkan dalam aktiviti ini. Inisiatif khas Kementerian Kewangan untuk menyalurkan peluang ini amat dihargai.

Mengenai dengan peruntukan bagi menjayakan suatu perancangan yang disebut Rancangan Malaysia Keenam, bagi mencapai matlamat Wawasan 2020, peranan dan fungsi semua elemen yang berkaitan pembangunan adalah sebagai satu keseluruhan menjadikan suatu misi penting. Di sebalik segala-galanya adalah sejumlah peruntukan pembangunan yang mencukupi. Dalam Rancangan Malaysia Keenam sejumlah peruntukan sejumlah \$104,000 juta telah diperuntukkan. Pengagihan-pengagihannya telahpun dibuat. Melalui peruntukan itu saya meminta simpati dan dan pertimbangan khas supaya Peruntukan Pembangunan Orang Asli yang mencukupi diutamakan, sama ada projek berbentuk in situ atau bagi menyambungkan projek-projek yang dijalankan semasa Dasar Ekonomi Baru. Rayuan ini ditujukan khas bagi tujuan mempercepat tingkatan pembangunan Orang Asli.

Saya mempunyai sebab-sebab tertentu terhadap pengutamaan dan pertimbangan khas ini.

- (1) ekonomi Orang-orang Asli masih di paras rendah;
- (2) dari segi faktor geography kawasan-kawasan Orang Asli berselerak dan terpencil. Projek infrustruktur, pelaksanaan projek-projek sokongan kawasan-kawasan serupa ini memerlukan belanja yang lebih selain daripada kos projek itu sendiri;
- (3) mempertingkatkan sosio ekonomi yang masih di paras rendah yang memberi kesan sampingan kepada proses kesepaduan masyarakat Malaysia.

Ucapan saya tidak begitu panjang, dan akhir sekali dengan pandangan-pandangan tadi, khususnya untuk Orang Asli, saya mohon menyokong Usul Rancangan Malaysia Keenam. Terima kasih.

Tuan Adam bin Kadir: Tinggal seminit lagi. Tuan Munisamy.

6.29 ptg.

Tuan K. Munisamy: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di Dewan yang mulia ini menyokong usul Rancangan Malaysia Keenam yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri baru-baru **ini**. Rancangan Malaysia Keenam bagi tempoh 1991 hingga 1995 telah dibuat setelah kajian yang terperinci dan merangkumi semua aspek pembangunan negara seperti pembangunan sosial, ekonomi, pendidikan, kesihatan dan lain-lain lagi.

Rancangan Malaysia Keenam adalah rancangan yang paling menyeluruh dan mengandungi aspek dan **ciri-ciri** yang dapat mencapai Wawasan 2020 yang diidamkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri...

Tuan Adam bin Kadir: Yang Berhormat, kita sambung esoklah. [Ketawa]

Tuan K. Munisamy: Terima kaaih.

Tuan Adam bin Kadir: Itu baguslah, fasal ada sambungan, sudah ada guarantee bercakap esok. Jadi, Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.